



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Zon Pantai Timur

P033 BESUT

Laporan Disediakan Oleh: Siti Noraiysah bt Rohim



Laporan Pemetaan Isu Parlimen

P.033 Besut

Disediakan oleh:
Siti Noraiysah Rohim



KATA ALUAN

I

KATA PENGANTAR

V

PENGENALAN

VII

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU

1-24

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN

25 - 36

1.1 Geografi/Topografi

29

1.2 Komposisi Penduduk

30

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

31

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

32

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

36- 40

2.1 Pendekatan Kajian

36

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

38

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

39

2.4 Keterbatasan Kajian

39

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

41 - 48

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

49 - 114

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

48

4.2 Pengutamaan Isu

107

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

115- 117

6.0 RUJUKAN

118

P.033 BESUT

KATA ALUAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH MOHD YUSOFF
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Rantau Panjang (P.023)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang kesempatan untuk penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 bagi Jilid Zon Timur ini direalisasikan. Penerbitan ini melambangkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Sebagai Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya amat menghargai peluang ini untuk menyatakan sokongan terhadap usaha yang memberi ruang kepada suara masyarakat akar umbi dalam perancangan pembangunan negara. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berfungsi sebagai panduan penting dalam memastikan pembangunan negara bergerak secara terangkum, dengan menitikberatkan pertumbuhan ekonomi dan pembentukan pekerjaan, kesejahteraan sosial, pemeliharaan alam sekitar dan tadbir urus yang baik. Sejak tahun 2019, inisiatif berterusan ini telah membuktikan bahawa penyertaan komuniti dalam mengenal pasti keperluan serta cabaran mereka mampu memperkukuh dasar dan tindakan yang lebih adil serta cekap dan berkesan.

Zon pantai timur memiliki keperibadian tersendiri melalui kepelbagaian bentuk geografi dan sosialnya yang merangkumi kawasan pesisir, luar bandar serta bandar. Setiap kawasan memperlihatkan cabaran yang khusus namun juga berpotensi besar untuk dimajukan. Pendekatan yang merangkum dan bersepadu diperlukan bagi memastikan pembangunan yang dirancang benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat setempat dan menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhan.

Proses pemetaan isu pada tahun 2025 ini mengekalkan pendekatan kajian lapangan melalui sesi libat urus bersama Ahli-ahli parlimen, komuniti dan pemimpin tempatan, agensi dan jabatan kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Laporan yang dihasilkan merupakan suatu usaha yang baik untuk menonjolkan cerita rakyat dan realiti sosial yang dihadapi oleh pelbagai komuniti setempat. Saya yakin laporan ini akan menjadi rujukan yang bermanfaat kepada semua pihak, khususnya pembuat dasar dan agensi pelaksana di semua peringkat pentadbiran, dalam memastikan tiada komuniti yang tercicir. Pencapaian SDG memerlukan iltizam dan tindakan yang berterusan daripada semua pihak untuk menjamin kesejahteraan masyarakat yang berkekalan.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen yang terlibat, komuniti akar umbi serta agensi kerajaan persekutuan, negeri serta daerah dan pihak berkuasa tempatan yang telah memberi komitmen dan sokongan padu. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025 Zon Pantai Timur ini.

Mudahan usaha yang dirintis ini menjadi asas yang kukuh dalam memperkasa agenda pembangunan mampan di Malaysia, bagi kawasan pantai timur khususnya, dan demi kemajuan mampan masyarakat dan negara secara umumnya. Semoga Allah S.W.T memberkati keyakinan dan landasan kita untuk membangunkan negara Malaysia yang seimbang.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

Wakil Sekretariat APPGM-SDG



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan..

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	5
Jilid 3	Zon Tengah	3	4
Jilid 4	Zon Selatan	6	2
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	1
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuklah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

Pengenalan


DR. SITI NUR AIN ZAKINUDDIN

Ketua Zon Pantai Timur, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON PANTAI TIMUR

Kajian pemetaan isu yang dijalankan di Parlimen Maran, Besut, Kota Bharu, dan Pasir Puteh mendedahkan landskap sosio-ekonomi yang seragam namun berdepan cabaran yang sama. Secara umum, ciri demografi yang paling ketara bagi parlimen Maran, Besut, Pasir Puteh, dan Kota Bharu ialah populasi yang didominasi oleh etnik Melayu dengan peratusan yang sangat tinggi. Selain itu, kawasan-kawasan ini juga mempunyai peratusan Bumiputera yang tinggi dan majoriti penduduk beragama Islam. Keempat-empat Parlimen ini dicirikan oleh ekonomi yang bergantung kepada sektor primer seperti pertanian, perikanan, dan perniagaan mikro. Kawasan ini merangkumi geografi yang pelbagai, daripada pesisir pantai dan dataran rendah sawah padi hingga ke penempatan Orang Asli dan FELDA di pedalaman. Walaupun terdapat pusat bandar kecil seperti Kota Bharu dan Jerneh, kebanyakan penduduk terlibat dalam ekonomi tidak formal yang mudah terkesan dengan perubahan pasaran dan iklim. Isu-isu yang ditemui Adalah saling berkaitan merentasi komuniti, seperti akses terhad kepada kemudahan asas, cabaran ekonomi, dan risiko alam sekitar, yang memerlukan pendekatan penyelesaian yang bersepadu.

Tiga isu utama yang dikenal pasti merentas semua parlimen ini adalah peningkatan kos sara hidup dan input ekonomi, kekurangan peluang pekerjaan serta migrasi belia, dan degradasi alam sekitar termasuk bencana berulang. Peningkatan kos input seperti baja, racun, makanan haiwan, dan barangan asas memberi tekanan kepada petani, penternak, nelayan, dan peniaga kecil. Di Besut dan Pasir Puteh, penternak ikan yang mengusahakan ikan sangkar seperti tilapia dan patin menanggung kos makanan yang tinggi, manakala petani di Kota Bharu berdepan kenaikan harga input pertanian yang mendadak termasuklah harga baja dan racun. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan yang setara dengan kelayakan menyebabkan belia berhijrah ke bandar besar, diperburuk oleh persaingan dengan pekerja asing dan pekerjaan bergaji rendah. Degradasi alam sekitar pula berpunca daripada aktiviti seperti pengorekan pasir, pembalakan, dan pembinaan East Coast Rail Link (ECRL) yang menyebabkan banjir. Hakisan pantai juga menjadi ancaman serius kepada komuniti pesisir Pantai terutamanya nelayan di Besut dan Pasir Puteh.

Penemuan ini adalah penting untuk merangka strategi intervensi yang didasarkan. Isu-isu ini saling berkaitan, membentuk kitaran kerentanan yang kompleks di mana kenaikan kos sara hidup mengikis pendapatan yang terhad. Kekurangan pekerjaan memaksa belia berpindah, menjejaskan pembangunan tempatan. Bencana alam dan degradasi alam sekitar pula mengancam mata pencarian utama seperti pertanian dan perikanan. Oleh itu, penyelesaian jangka pendek dan sederhana harus menumpukan kepada program pemerkasaan ekonomi yang inovatif, latihan kemahiran yang relevan dengan pasaran tempatan, serta pengurusan risiko bencana dan alam sekitar yang lebih berkesan. Kerjasama pelbagai peringkat antara agensi kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat adalah kunci untuk memastikan intervensi ini bersifat holistik dan dapat membina daya tahan masyarakat Pantai Timur dalam menghadapi cabaran masa depan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsul Kahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P086	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P021	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P028	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PERGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu P.033 Besut

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BESUT, YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY JUSOH



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

22 Jan - 24 Jan 2025
(Rabu - Jumaat)

HARI 1

1. FGD 1: Ibu Tunggal Kampung Lay Out
2. Lawatan Tapak 1: Pantai Teluk Bayu
3. FGD 2: Nelayan Darat Kuala Besut
4. FGD 3: Komuniti Siam Kampung Pak Kiang Keluang

HARI 3

8. FGD 6: Penduduk FELDA Tenang
9. FGD 7: Petani Kampung Bela Oh dan Kampung Keruak
10. FGD 8: Mangsa Banjir Hulu Besut

HARI 2

5. FGD 4: Peniaga Pasar Malam Hulu Besut
6. Lawatan Tapak 2: Tapak Paragliding Bukit Bubus
7. FGD 5: Nelayan Laut Kampung Beting Lintang

11. Lawatan Tapak 3: Kawasan Longkang Culvert
12. Lawatan Tapak 4: Perkampungan Orang Asli Kuala Sayap

PASUKAN PENYELIDIK



SITI NORAIYSAH ROHIM

(Ketua Penyelidik)



**DR. SITI NUR AIN
ZAKINUDDIN**



**NUR RAHMAH
OTHMAN**



**NUR FATEHAH
ABD KADIR**



**MUHAMMAD YUSOF
ADNAN**

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 22-24 JAN 2025 (RABU – JUMAAT)



23 Disember 2024
Mesyuarat Awalan



14 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan



22 Januari 2025
FGD 1: Ibu Tunggal
Kampung Lay Out



22 Januari 2025
Lawatan Tapak 1: Pantai Teluk Bayu



22 Januari 2025
FGD 3: Komuniti Siam Kampung Pak
Kiang Keluang



22 Januari 2025
FGD 2: Nelayan Darat Kuala Besut



23 Januari 2025
FGD 4: Peniaga Pasar Malam Hulu
Besut



23 Januari 2025
Lawatan Tapak 2: Tapak Paragliding
Bukit Bubus



23 Januari 2025
FGD 5: Nelayan Laut Kg Beting Lintang



24 Januari 2025
FGD 8: Mangsa Banjir Hulu Besut



24 Januari 2025
FGD 7: Petani Kampung Bela Oh dan
Kampung Keruak



24 Januari 2025
FGD 6: Penduduk FELDA Tenang



24 Januari 2025
Lawatan Tapak 3: Kawasan Longkang
Culvert



24 Januari 2025
Lawatan Tapak 4: Perkampungan Orang
Asli Kuala Sayap



23 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Satu mesyuarat awalan telah diadakan bersama Ahli Parlimen Besut, YB Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh, bertempat di Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Besut. Dalam sesi ini, YB Datuk Che Mohamad Zulkifly telah menunjukkan komitmen tinggi terhadap usaha pembangunan mampan dan bersetuju untuk pihak APPGM-SDG mengadakan lawatan tapak selama tiga hari pada 22 hingga 24 Januari 2025. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Nur Rahmah Othman (Pengarah Eksekutif), Dr. Siti Nur Ain (Ketua Zon Pantai Timur), dan Siti Noraiysah Rohim, yang memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif ini bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pencapaian hasil yang maksimum untuk Parlimen Besut.



14 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Dr. Siti Nur Ain dan Siti Noraiysah Rohim telah menghadiri mesyuarat bersama Pegawai Daerah Besut, Tuan Haji Ahmad Nazwawi Harun, yang berlangsung di Pejabat Daerah dan Tanah Besut. Turut hadir dalam sesi ini ialah Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), En. Muhamad Hamizi Roslan, serta 12 Penghulu Mukim. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada perbincangan pelbagai isu berkaitan pembangunan ekonomi sosial dan pemeliharaan alam sekitar di kawasan setempat. Hasil perbincangan, Tn. Haji Ahmad Nazwawi bersetuju untuk menganjurkan satu sesi Dialog *Inter-Agensi* yang dijadualkan berlangsung pada bulan Februari, dengan tarikh rasmi akan ditetapkan kemudian.



FGD 1: IBU TUNGGAL KAMPUNG LAY OUT

FGD pertama ini melibatkan golongan ibu tunggal dari Kampung Lay Out dan telah dihadiri oleh Ahli Parlimen, penghulu kampung, serta 12 orang ibu tunggal. Beberapa isu utama telah dibangkitkan, antaranya: **(1)** kesukaran mendapatkan bantuan daripada agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM); **(2)** isu kekurangan tong sampah turut menjadi perhatian, di mana hanya dua daripada lima kawasan pembuangan sampah mempunyai kemudahan tong sampah yang mencukupi; **(3)** penduduk kampung juga menyuarakan kebimbangan mengenai keadaan jalan berlubang yang membahayakan keselamatan penunggang motosikal; dan **(4)** masalah lembu liar yang berkeliaran di atas jalan raya turut menimbulkan risiko kemalangan kepada penduduk setempat.



FGD 2: NELAYAN DARAT KUALA BESUT

FGD bersama nelayan darat di Kuala Besut telah dihadiri oleh Ahli Parlimen, penghulu kampung, serta 13 orang nelayan darat. Antara isu yang telah dibangkitkan ialah: **(1)** ketiadaan bantuan dan pemantauan berterusan daripada agensi berkaitan seperti Agensi Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM); **(2)** kenaikan tarif elektrik turut menjadi beban kepada para pengusaha, sekali gus menjejaskan kos operasi harian mereka; **(3)** para nelayan juga melahirkan rasa tidak puas hati terhadap peranan orang tengah yang membeli hasil tangkapan pada harga yang rendah tetapi menjualnya semula dengan harga yang jauh lebih tinggi; dan **(4)** terdapat keperluan mendesak untuk mengadakan sesi dialog antara pengusaha dan pengeluar benih bagi memastikan kelangsungan industri perikanan darat yang lebih mampan.



FGD 3: KOMUNITI SIAM KAMPUNG PAK KIANG KELUANG

Sesi FGD 3 ini melibatkan komuniti Siam dari Kampung Pak Kiang, Keluang, dengan kehadiran Ahli Parlimen, Penghulu, serta 33 orang wakil komuniti. Dalam sesi ini, beberapa isu utama telah dibangkitkan, antaranya: **(1)** kesukaran mendapatkan bantuan daripada JKM, di mana pihak berkenaan didakwa bersikap pilih kasih; **(2)** komuniti turut menghadapi cabaran berikutan persepsi negatif orang luar terhadap hasil pertanian mereka; serta **(3)** peningkatan kos pertanian yang semakin membebankan. **(4)** Isu lain yang turut dikemukakan adalah ketiadaan van mayat untuk membawa jenazah ke tempat proses pembakaran.



LAWATAN TAPAK 1: PANTAI TELUK BAYU

Sesi lawatan tapak 1 di Pantai Teluk Bayu yang mempunyai masalah hakisan pantai menyebabkan sekumpulan penduduk berhampiran terpaksa berpindah bagi mengelakkan risiko lebih besar.



FGD 4: PENIAGA PASAR MALAM HULU BESUT

FGD 4 bersama peniaga pasar malam Hulu Besut ini telah dihadiri oleh Ahli Parlimen, Penghulu, serta 12 orang peniaga pasar malam. Dalam sesi ini, beberapa isu utama telah dibangkitkan, antaranya: **(1)** ketiadaan kemudahan surau dan tandas di tapak pasar malam yang menyukarkan para peniaga serta pengunjung; **(2)** mereka turut menghadapi kekurangan pelanggan berikutan peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan kepada jualan mereka; **(3)** mereka tidak pernah menerima sebarang maklumat mengenai bantuan yang disediakan; **(4)** kebimbangan mengenai kejadian banjir yang semakin kerap berlaku, yang didakwa berpunca daripada kesan pembinaan ECRL, sekali gus menjejaskan operasi perniagaan mereka.



LAWATAN TAPAK 2: TAPAK PARAGLIDING BUKIT BUBUS

Sesi lawatan tapak di Tapak Paragliding Bukit Bubus telah dijalankan dan didapati pengusaha mempunyai isu eko-pelancongan iaitu pelancongan bermusim. Pada musim Monsun Timur Laut (MTL), operasi tidak dapat dijalankan akibat cuaca buruk.



FGD 5: NELAYAN LAUT BETING LINTANG

FGD 5 bersama nelayan laut Beting Lintang juga telah dihadiri oleh Ahli Parlimen, Penghulu, serta 17 orang nelayan laut. Isu seperti: **(1)** ketiadaan benteng pemecah ombak yang menyebabkan hakisan pantai semakin teruk; **(2)** kos penyelenggaraan dan harga petrol untuk bot *fibre* yang sangat tinggi merupakan isu yang dihadapi oleh nelayan laut. Isu lain yang turut disuarakan termasuklah: **(3)** ketiadaan peruntukan bantuan bencana kepada persatuan nelayan, yang menyukarkan mereka dalam menghadapi sebarang kejadian tidak dijangka; dan **(4)** perubahan iklim turut memberi kesan yang ketara terhadap hasil tangkapan, jadual turun ke laut, keadaan cuaca yang tidak menentu, serta peningkatan hakisan pantai, sekali gus menjejaskan mata pencarian mereka.



FGD 6: PENDUDUK FELDA TENANG

FGD 6 ini melibatkan 12 penduduk komuniti FELDA Tenang dan dihadiri oleh Ahli Parlimen dan Penghulu. Beberapa isu penting telah dibangkitkan dalam sesi ini, termasuklah: **(1)** masalah pemilikan tanah bagi generasi kedua yang masih belum diselesaikan; **(2)** kos pengangkutan untuk penghantaran sawit yang semakin tinggi yang membebankan para peneroka; **(3)** penduduk juga meluahkan kebimbangan mengenai masalah penagihan dadah yang semakin serius dalam komuniti mereka; dan **(4)** terdapat keclaruan dalam pengurusan antara pihak FELDA Tenang dan pemaju yang mengakibatkan pelbagai isu tertangguh dan menjejaskan kesejahteraan penduduk.



FGD 7: PETANI KAMPUNG BELA OH DAN KAMPUNG KERUAK

FGD 7 bersama petani dari Kampung Bela Oh dan Kampung Keruak ini melibatkan enam orang petani. Antara isu yang dibangkitkan ialah: **(1)** kenaikan kos pertanian, di mana harga baja dan racun meningkat 100%, manakala sewa jentera mencecah RM150 sejam; **(2)** petani juga menghadapi masalah lambakan hasil pada musim tertentu; **(3)** kekurangan sokongan daripada FAMA dalam pemasaran; dan **(4)** kekurangan tanah untuk pertanian kekal turut menjadi cabaran utama.



FGD 8: MANGSA BANJIR HULU BESUT

FGD 8 bersama mangsa banjir di Hulu Besut melibatkan 20 orang penduduk kampung. Dalam sesi ini, beberapa isu utama telah dibangkitkan, antaranya: **(1)** banjir besar yang semakin teruk sejak tahun 2000, yang dikatakan berpunca daripada aktiviti pembalakan; **(2)** penduduk juga menghadapi masalah longkang yang sempit dan dipenuhi semak, sekali gus menghalang aliran air dan memburukkan lagi keadaan ketika hujan lebat; **(3)** mereka turut menyuarakan kebimbangan mengenai jambatan yang tidak kukuh, yang menimbulkan risiko keselamatan, terutama semasa banjir; dan **(4)** hakisan sungai yang berlaku setiap kali banjir besar juga menjadi isu utama, kerana ia mengancam kawasan penempatan dan menyebabkan kerosakan infrastruktur.



LAWATAN TAPAK 3: KAWASAN LONGKANG CULVERT

Sesi lawatan tapak di kawasan longkang *culvert* yang sempit dan dipenuhi semak yang seringkali dipenuhi air ketika hujan lebat. Keadaan longkang ini juga menjadi punca kepada pengaliran air hujan yang tersekat dan mengakibatkan banjir.



LAWATAN TAPAK 4: PERKAMPUNGAN ORANG ASLI KUALA SAYAP

Sesi lawatan tapak di perkampungan orang Asli Kuala Sayap. Komuniti orang asli disini adalah dari suku kaum Batek yang terdiri daripada 11 buah rumah.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu **P.033 Besut**

Senarai Jadual

Jadual 1	Statistik Keluasan Parlimen Besut
Jadual 2	Statistik Jumlah dan Peratusan Penduduk Parlimen Besut Mengikut Etnik
Jadual 3	Jumlah Penduduk bagi Parlimen Besut Mengikut Jantina
Jadual 4	Struktur Umur Penduduk Parlimen Besut
Jadual 5	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Besut
Jadual 6	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 14	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 15	Ringkasan Pengutamaan Isu 1
Jadual 16	Ringkasan Pengutamaan Isu 2
Jadual 17	Ringkasan Pengutamaan Isu 3
Jadual 18	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADB	Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)
APPGM-SDG	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals</i>
BN	Barisan Nasional
DO	<i>District Officer</i> / Pegawai Daerah
DUN	Dewan Undangan Negeri
ECRL	<i>East Coast Rail Link</i> (Laluan Rel Pantai Timur)
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i> / Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FGD	Focus Group Discussion (Perbincangan Kumpulan Berfokus)
GAP / myGAP	<i>Good Agricultural Practice</i> / Malaysian Good Agricultural Practices
GSA	Group Settlement Area (Kawasan Rancangan Berkelompok)
GTA	Gerakan Tanah Air
IC / MyKad	Kad Pengenalan Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran (<i>Department of Irrigation and Drainage</i>)
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MPKK	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NPK	<i>Nitrogen-Phosphorus-Potassium</i> (nisbah nutrien baja)
OKU	Orang Kurang Upaya
OPS Pantau	Operasi Pantau (inisiatif penguatkuasaan KPDN)
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PH	Pakatan Harapan
PKD	Pejabat / Pegawai Kesihatan Daerah (District Health Office)
PKP / MCO	Perintah Kawalan Pergerakan / Movement Control Order
PJRM	Program Jualan Rahmah (MADANI)
PN	Perikatan Nasional

PPK (Pertanian)	Pertubuhan Peladang Kawasan
PPK (Bencana)	Pusat Pemindahan Kekal
PPS	Pusat Pemindahan Sementara
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i> / Matlamat Pembangunan Mampan
SISPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (<i>United Malays National Organisation</i>)
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Besut adalah sebuah kawasan Persekutuan di Terengganu, Malaysia yang mana mempunyai wakil di Dewan Rakyat dengan kod P.033. Ahli Parlimen Besut sekarang adalah YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh yang merupakan ahli politik Malaysia daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan gabungan Perikatan Nasional (PN). Parlimen Besut telah dipertandingkan pada tahun 1959 dan mandat telah diberi kepada seorang Ahli Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia mengikut sistem undian terbanyak. Parlimen Besut pada asalnya di bawah pimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) kecuali pada Pilihan Raya Umum ke-10 dan ke-15 yang mana dimenangi oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS).



**YB Datuk Che
Mohamad Zulkifly
Jusoh**

Pada Pilihan Raya Umum ke-15, YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh telah memenangi kerusi dengan majoriti sebanyak 18,666 dengan undian 49,569 dan menewaskan YB Datuk Nawawi Bin Mohamad daripada Barisan Nasional (BN) dengan 30,903 undi, Abd Rahman @ Abd Aziz Abas daripada Pakatan Harapan (PH) dengan 4,339 undi dan calon daripada parti GTA, Wan Nazari Wan Jusoh dengan 553 undi.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Besut adalah sebuah kawasan parlimen yang berada di bawah pentadbiran Daerah Besut. Daerah Besut ini merupakan salah satu daerah daripada 8 daerah di negeri Terengganu. Daerah ini juga merupakan daerah pintu masuk ke negeri Terengganu dari negeri bersempadan, iaitu negeri Kelantan, menerusi Jajahan Pasir Puteh, Jajahan Kuala Krai dan Jajahan Machang. Bahagian pesisir pantai Daerah Besut bersempadan dengan Laut China Selatan yang mempunyai kekayaan kawasan Taman Laut Negeri Terengganu, iaitu Pulau Perhentian.

Parlimen Besut terdiri daripada empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Kuala Besut (N01), DUN Kota Putera (N02), DUN Jertih (N03) dan DUN Hulu Besut (N04). Keluasan Parlimen Besut adalah 1,027 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 127,825 dan kepadatan penduduk adalah 124 km persegi. Statistik keluasan Parlimen Besut adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Statistik Keluasan Parlimen Besut

Maklumat Asas	P.033 Besut	N.01 Kuala Besut	N.02 Kota Putera	N.03 Jertih	N.04 Hulu Besut
Luas kawasan (km ²)	1027	67	98	85	777
Jumlah penduduk	127,825	31,190	42,507	30,749	23,379
Kepadatan penduduk (per km ²)	124	466	434	362	30

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, Jabatan Perancangan Malaysia

Jadual 1 menunjukkan statistik keluasan Parlimen Besut berdasarkan bancian kependudukan 2020. Daripada segi keluasan kawasan, DUN Kuala Besut mempunyai kawasan seluas 67km persegi dengan jumlah penduduk seramai 31,190 dan kepadatan penduduk adalah 466 km persegi. Manakala, kawasan DUN Kota Putera mempunyai keluasan sebanyak 98 km persegi dan jumlah penduduk seramai 42,507 dengan kepadatan penduduk sebanyak 434 per km persegi. DUN Jertih yang berkeluasan sebanyak 85 km persegi mempunyai 30,749 penduduk dengan kepadatan 362 per km persegi. DUN Hulu Besut mencatatkan bilangan keluasan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 777 km persegi dengan 23,379 orang penduduk mengikut kepadatan 30 per km persegi. Daripada segi guna tanah kawasan, kebanyakan kawasan luas di parlimen Besut terdiri daripada kawasan atau tanah pertanian dan hutan.

1.2 Komposisi Penduduk

Jumlah penduduk di Parlimen Besut secara keseluruhannya berjumlah 127,825. Daripada jumlah penduduk tersebut, 125,125 atau 97.9 peratus adalah warganegara dengan 2700 atau 2.1 peratus bukan warganegara. Menerusi jumlah 127,825 orang penduduk di Parlimen Besut ini, sebanyak 126,035 adalah etnik bumiputera, 1278 adalah daripada etnik Cina, 128 etnik India dan 383 lagi daripada etnik lain-lain.

Jadual 2. Statistik Jumlah dan Peratusan Penduduk Parlimen Besut Mengikut Etnik

BIL.	KAUM	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Bumiputera	126,035	98.6
2.	Cina	1278	1.0
3.	India	128	0.1
4.	Lain-lain	383	0.3
JUMLAH KESELURUHAN		127,825	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2022

Mengikut kategori jantina, 65,067 adalah lelaki, manakala 62,758 adalah wanita. Daripada segi pengkategorian umur, golongan antara 0 ke 14 tahun berjumlah sebanyak 29.8 peratus, golongan 15 ke 64 tahun sebanyak 64.3 peratus, dan golongan daripada 65 tahun ke atas adalah 5.9 peratus.

Jadual 3. Jumlah Penduduk bagi Parlimen Besut Mengikut Jantina

BIL.	JANTINA	JUMLAH	PERATUS (%)
1.	Lelaki	65,067	50.9
2.	Perempuan	62,758	49.1
JUMLAH KESELURUHAN		127,825	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2022

Jadual 4. Struktur Umur Penduduk Parlimen Besut

BIL.	JANTINA	PERATUS (%)
1.	Penduduk berumur 0-14 tahun	29.8
2.	Penduduk berumur 15-64 tahun	64.3
3.	Penduduk berumur 65 tahun dan lebih	5.9
JUMLAH KESELURUHAN		100

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Besut terletak di utara negeri Terengganu dan mempunyai kepelbagaian aktiviti ekonomi. Berdasarkan laporan yang disediakan Jabatan Perangkaan Malaysia di bawah Statistik Subnasional Parlimen dan DUN bagi tahun 2022, mengikut data perolehan pada tahun yang sama, tiga sektor ekonomi utama di Besut adalah sektor perkhidmatan, sektor pembinaan, dan sektor pembuatan. Sektor-sektor ini diikuti oleh sektor pertanian, perhutanan, dan perikanan, serta sektor perlombongan dan pengkuarian. Walau bagaimanapun, berdasarkan sesi perbincangan bersama Pegawai Daerah ketika sesi pralawatan, didapati bahawa kedudukan geografi Parlimen Besut yang strategik, berdekatan dengan Laut China Selatan, memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi kawasan ini. Ekonomi di Besut dipacu oleh beberapa sektor utama, termasuk pertanian, perikanan, dan pelancongan. Kebergantungan kepada sumber semula jadi serta kedudukan yang strategik telah memberikan kelebihan kepada komuniti setempat dalam menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi.

Pertanian merupakan salah satu sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Parlimen Besut, dengan pelbagai aktiviti pertanian yang utama di kawasan ini. Penanaman padi menjadi antara sumber pendapatan utama bagi ramai petani, yang memanfaatkan kawasan sawah yang luas.

Selain itu, perladangan kelapa sawit diusahakan secara komersial dan menjadi salah satu eksport utama negeri, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan. Di samping itu, ramai penduduk luar bandar terlibat dalam penanaman getah, yang menjadi sumber pendapatan harian mereka. Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan seperti durian, rambutan, dan pisang turut memainkan peranan penting dalam sektor pertanian Besut, lantas memperkaya kepelbagaian hasil pertanian di kawasan ini.

Parlimen Besut yang terletak berhampiran dengan Laut China Selatan menjadikan perikanan sebagai salah satu sektor ekonomi yang penting bagi penduduk setempat. Aktiviti perikanan di kawasan ini merangkumi perikanan laut, di mana nelayan tempatan menangkap pelbagai jenis ikan untuk kegunaan domestik dan eksport, dan menyumbang kepada sumber pendapatan utama mereka. Selain itu, sektor akuakultur semakin berkembang dengan ternakan ikan dalam sangkar dan kolam bagi memenuhi permintaan pasaran yang meningkat. Di samping itu, industri hiliran turut memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan melalui pemprosesan hasil laut seperti keropok lekor, ikan kering, dan belacan, yang bukan sahaja menjadi sumber pendapatan tambahan bagi komuniti setempat tetapi juga membantu mempopularkan produk tempatan ke pasaran lebih luas.

Sektor pelancongan di Parlimen Besut mempunyai potensi tinggi untuk menjadi penyumbang utama kepada ekonomi tempatan, didorong oleh keindahan alam semula jadi dan tarikan pelancongan yang unik. Salah satu destinasi utama adalah Pulau Perhentian, yang terkenal dengan keindahan pantainya, air laut yang jernih, serta aktiviti menyelam dan snorkeling, menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, kawasan pantai dan alam semula jadi turut menjadi daya tarikan utama, dengan Pantai Bukit Keluang yang menawarkan pemandangan indah dan aktiviti rekreasi, serta Lata Tembakah, yang dikenali dengan keindahan air terjun dan kehijauan hutan, menjadi destinasi pilihan bagi pencinta alam dan aktiviti ekopelancongan. Keunikan tarikan pelancongan ini menjadikan sektor ini berpotensi besar dalam meningkatkan ekonomi tempatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Besut adalah daerah paling utara di negeri Terengganu dan disempadani oleh Jajahan Pasir Puteh, Jajahan Machang dan Jajahan Kuala Krai di negeri Kelantan, manakala di sebelah selatan dan barat ia disempadani oleh Daerah Hulu Terengganu dan Daerah Setiu. Ia juga disempadani oleh Laut China Selatan di bahagian timur.

Parlimen Besut merangkumi kawasan yang kaya dengan keunikan geografi, ekonomi, budaya, sosial, dan sejarah. Ianya menawarkan pelbagai potensi yang selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations, UN). Tambahan, empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu Kuala Besut, Kota Putera, Jerteh, dan Hulu Besut turut mempunyai keistimewaan tersendiri yang berkait rapat dengan beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) tersebut:

Yang pertamanya, DUN Kuala Besut merupakan pintu masuk ke Pulau Perhentian, destinasi pelancongan terkenal yang menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Pulau Perhentian ini terkenal dengan pantai berpasir putih, air laut yang jernih, dan terumbu karang yang memukau, menjadikannya lokasi ideal untuk aktiviti menyelam, snorkeling, dan percutian santai. Tambahan, tarikan pelancong yang paling popular di Pulau Perhentian Besar adalah Teluk Pauh, Tanjung Genting ke Teluk Keke dan Teluk Dalam, manakala tarikan di Pulau Perhentian Kecil adalah Pantai Pasir Panjang dan Teluk Aur (Coral Bay). Keistimewaan ini berkaitan dengan **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, khususnya: -

Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta menentengahkan budaya dan produk tempatan.

Sasaran ini menggalakkan aktiviti pelancongan mampan serta mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya serta produk tempatan.

Kedua, DUN Kota Putera atau dikenali dengan Kampung Raja terletak di kawasan pesisir dengan komuniti nelayan yang aktif. Sebagai contohnya, Kampung Benting Lintang, terletak di Mukim Kampung Raja, Daerah Besut, Terengganu, adalah sebuah perkampungan yang kaya dengan tradisi dan budaya Melayu Terengganu. Kehidupan nelayan di kampung ini memainkan peranan penting dalam ekonomi dan budaya setempat. Nelayan di kampung ini menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan berhampiran, menggunakan kaedah tradisional dan moden. Hasil tangkapan mereka bukan sahaja memenuhi keperluan penduduk tempatan tetapi juga dipasarkan ke kawasan lain. Ini berkaitan dengan **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air**, terutamanya bagi:

Sasaran 14.7: Menjelang 2030, menambah manfaat ekonomi kepada negara membangun kepulauan kecil dan negara mundur daripada penggunaan sumber marin yang lestari, termasuk melalui pengurusan perikanan, akuakultur dan pelancongan yang mampan.

Sasaran ini secara tidak langsung menekankan peningkatan faedah ekonomi daripada sumber laut kepada komuniti pesisir melalui pengurusan lestari perikanan, akuakultur, dan pelancongan.

DUN Kota Putera juga mempunyai keistimewaan daripada aspek pendidikan, di mana ia adalah hab pendidikan di Besut, dengan adanya sekolah-sekolah cemerlang dan institusi pengajian tinggi. Perancangan pembangunan di Taman Ilmu juga sedang dipertingkatkan untuk memperkukuh peranan kawasan ini sebagai pusat pendidikan. Peningkatan peranan Kota Putera sebagai hab pendidikan menyokong matlamat atau **SDG 4: Pendidikan Berkualiti**, iaitu untuk memastikan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Keistimewaan ini juga bertepatan dengan sasaran seperti berikut :-

Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.

Sasaran ini menekankan aspek pendidikan demi pembangunan mampan dan kewarganegaraan global.

Ketiga, DUN Jerleh berfungsi sebagai pusat ekonomi dan perdagangan bagi daerah Besut. Aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di kawasan ini menyokong **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, dengan penekanan terhadap: -

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Sasaran ini secara tidak langsung akan mempromosikan dasar pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti, dan inovasi.

Akhir sekali, DUN Hulu Besut mempunyai kawasan hutan dan pertanian yang luas, termasuk penanaman padi dan kelapa sawit. Keistimewaan ini berkaitan dengan **SDG 15: Kehidupan di Darat**. Antara Sasaran SDG yang berkaitan adalah seperti:

Sasaran 15.2: Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari bagi semua jenis hutan, menghentikan pembersihan hutan, memulihkan kemerosotan hutan dan meningkatkan dengan ketara penghutanan dan penghutanan secara global.

Sasaran ini menggalakkan pengurusan hutan secara mampan, menghentikan penebangan hutan, dan meningkatkan usaha pemulihan hutan yang terdegradasi.

PARLIMEN BESUT DAN PELANCONGAN

Pelancongan di Besut memainkan peranan penting dalam menyokong SDG melalui pelbagai aspek ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Daripada sudut **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, sektor pelancongan telah menjadi pemacu utama ekonomi tempatan dengan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kemajuan pelancongan di Besut, terutamanya di Pulau Perhentian, telah mewujudkan permintaan terhadap perkhidmatan penginapan, makanan, dan rekreasi. Selain itu, industri kecil dan sederhana (IKS) seperti pembuatan produk tempatan, antaranya keropok lekor dan budu telah membantu meningkatkan taraf hidup penduduk, terutama bagi golongan wanita yang aktif dalam sektor keusahawanan. Ini selari dengan **Sasaran 8.9**, iaitu menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya serta produk tempatan.

Daripada perspektif **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**, pembangunan di kawasan peranginan Besut dilakukan secara terkawal bagi memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar. Kajian menunjukkan bahawa pembinaan chalet dan motel dikawal rapi oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan pembangunan yang berlebihan yang boleh menjejaskan kelestarian persekitaran.¹ Peningkatan kemudahan awam serta kawalan ketat terhadap aktiviti pelancongan memastikan kawasan ini terus menjadi destinasi lestari untuk pelancong domestik dan antarabangsa. Ini bertepatan dengan **Sasaran 11.4**, yang menekankan kepentingan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia, serta **Sasaran 11.7**, yang menitikberatkan penyediaan akses ke ruang awam yang selamat dan inklusif bagi semua, termasuk pelancong dan penduduk setempat.

¹ Rosniza Aznie, C. R., Usman, Y., Suriati, G., Abdul Rahim, M. N., Rosmiza, M. Z., Novel, L., & Mohd Fuad, M. J. (2012). Pantai peranginan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong. GEOGRAFIA Online™ Malaysia Journal of Society and Space, 8(4), 64-74.

Pelancongan di Besut juga menyumbang kepada **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air**, khususnya dalam aspek pemeliharaan ekosistem marin. Pulau Perhentian, yang terkenal dengan aktiviti ekopelancongan seperti menyelam, menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Bagi memastikan kelestarian kehidupan marin, terdapat kawalan terhadap aktiviti yang boleh mengancam biodiversiti laut. Selain itu, perancangan pembangunan pantai yang berhati-hati mengelakkan pencemaran serta kemerosotan ekosistem pantai akibat hakisan dan aktiviti pelancongan yang tidak terkawal. Ini memenuhi **Sasaran 14.2**, yang menyeru kepada perlindungan dan pemulihan ekosistem marin untuk meningkatkan daya tahan mereka, serta **Sasaran 14.7**, yang menggalakkan penggunaan mampan sumber marin bagi menjana pertumbuhan ekonomi.

Akhir sekali, pelancongan di Besut turut menyokong **SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat**, di mana terdapat kerjasama erat antara pihak kerajaan, sektor swasta, dan komuniti dalam membangunkan sektor ini secara mampan. Usaha kerajaan dalam merancang pembangunan melalui Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu serta sokongan institusi pendidikan dan penyelidikan telah membantu dalam memastikan pembangunan pelancongan yang lestari dan berdaya saing. Keseluruhannya, pelancongan di Besut bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memastikan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat setempat selaras dengan matlamat pembangunan mampan global. Ini memenuhi **Sasaran 17.17**, yang menggalakkan perkongsian yang berkesan antara sektor awam, sektor swasta dan masyarakat sivil bagi menyokong pencapaian matlamat pembangunan mampan

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Data ini dikumpulkan melalui kaedah lapangan dan perbincangan kumpulan fokus. Kaedah pengumpulan data dimulakan dengan mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Besut pada 23 Disember 2024 di bilik Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Besut. Sesi ini dihadiri oleh Ahli Parlimen Besut, YB Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh dan Pegawai Khas, Encik Shalahhudin bin Jaafar dan pihak APPGM-SDG diwakili oleh Puan Nur Rahmah, Dr Siti Nur Ain dan Cik Siti Noraiysah.

Sesi ini dimulakan dengan sesi pengenalan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia-Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) daripada Pengarah Eksekutif, Puan Nur Rahmah sebelum dilanjutkan oleh Cik Siti Noraiysah berkenaan proses pemetaan isu. Tujuan perbincangan ini dilakukan untuk berkongsi gerak kerja APPGM semasa pemetaan isu di Parlimen Besut dan juga untuk mengenalpasti isu-isu di kawasan kajian dan kumpulan komuniti yang akan difokuskan.

Kemudian, satu Mesyuarat Pembentukan Profil Penempatan (Profiling) telah dilakukan secara atas talian pada 5 Januari 2025 bersama dengan Pegawai Khas Ahli Parlimen Besut, Encik Shalaluddin bin Jaafar. Mesyuarat yang dijalankan bertujuan membincangkan lebih jelas berkenaan isu-isu dan sasaran kumpulan komuniti, seterusnya pelan pelaksanaan lawatan tapak yang akan berlangsung di Parlimen Besut.

Sesi pra-lawatan (*pre-visit*) juga telah dilakukan pada 14 Januari 2025 bersama Tuan Pegawai Daerah Besut, Tuan Haji Ahmad Nazwawi bin Harun, yang berlangsung di Pejabat Daerah dan Tanah Besut, Terengganu. Sesi ini dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Cik Siti Noraiysah selaku Ketua Penyelidik dan Dr Siti Nur Ain Zakinnuddin. Turut hadir dalam sesi ini adalah Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Encik Muhamad Hamizi bin Roslan, serta 12 Penghulu Mukim. Tujuan utama sesi pra-lawatan ini adalah untuk memberi gambaran awal kepada Pegawai Daerah tentang gerak kerja APPGM-SDG dan memberi maklumat berkenaan lawatan tapak tiga hari yang akan dijalankan di Parlimen Besut. Menerusi sesi pra-lawatan tersebut, tumpuan perbincangan telah memberi fokus kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi sosial dan pemeliharaan alam sekitar di kawasan setempat.

Sesi lawatan tapak telah dijalankan selama tiga hari bermula dari 22 sehingga 24 Januari 2025. Teknik yang telah digunakan adalah melalui pendekatan perbincangan fokus berkumpulan (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh empat orang pihak penyelidik APPGM-SDG yang terdiri daripada Cik Siti Noraiysah Rohim selaku ketua penyelidik, Dr Siti Nur Ain Zakinnuddin, Nur Fatehah Abd Kadir, Muhammad Yusof Adnan dan pada hari pertama Puan Nur Rahmah Othman turut hadir untuk bersama komuniti semasa lawatan tapak diadakan. Perbincangan ini melibatkan beberapa lokasi dengan komuniti dan isu yang berbeza yang selaras dengan usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Terdapat 8 kumpulan komuniti utama dengan 8 sesi dialog dan 4 sesi lawatan dijalankan. Program untuk kajian yang dijalankan dapat dirujuk seperti di Jadual 5:.

Jadual 5. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Besut

TARIKH	PERKARA
22 Januari 2025 , Rabu	• Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal Kampung Lay Out • Dialog Bersama Komuniti Nelayan Darat Kuala Besut • Dialog Bersama Komuniti Siam Kampung Pak Kiang Keluang • Lawatan Tapak ke Hakisan Pantai di Pantai Teluk Bayu

23 Januari 2025, Khamis	• Dialog Bersama Peniaga Pasar Malam Hulu besut • Lawatan Tapak ke Tapak Paragliding Bukit Bubus • Dialog Bersama Komuniti Nelayan Laut Kg. Beting Lintang
24 Januari 2025, Jumaat	• Dialog Bersama Komuniti Felda Tenang • Dialog Bersama Komuniti Petani Kampung Belaoh dan Kampung Keruak • Dialog Bersama Mangsa Banjir Hulu Besut • Lawatan Tapak ke Kawasan Longkang <i>Culvert</i> (Banjir) • Lawatan Tapak ke Perkampungan Orang Asli Kuala Sayap
16 Mac 2025, Ahad	• Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah dan Tanah Besut

Satu mesyuarat dialog antara agensi juga dijalankan pada 14hb Mac 2025, dan dipengerusikan oleh Tuan Luqman Hafiz bin Mazalan, Penolong Kanan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Besut. Agenda mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Mesyuarat ini dihadiri oleh Siti Noraiysah Rohim dan disertai juga Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Fatimah Kadir dan Balqis Osman.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Terdapat beberapa perkara yang dititikberatkan sepanjang kajian lapangan, iaitu Ketua Penyelidik akan memberikan ucapan alu-aluan dan memberitahu bahawa kajian pemetaan isu ini adalah bersifat kualitatif sebelum sesi perbincangan dalam kumpulan dimulakan. Ketua Penyelidik turut mendapatkan persetujuan daripada para peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju yang apa dikatakan akan direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana medium. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Besut tiada halangan yang berlaku daripada segi pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang lawatan tapak selama tiga hari di kawasan Parlimen Besut, para penyelidik menghadapi beberapa cabaran yang memberi kesan kepada kelancaran sesi dialog. Salah satu cabaran utama adalah kelewatan kumpulan komuniti dalam menghadiri sesi dialog yang telah dijadualkan. Setiap sesi dialog telah ditetapkan pada waktu tertentu dan di lokasi yang berbeza, namun apabila kumpulan komuniti lewat hadir, waktu perbincangan menjadi terhad. Kelewatan ini turut menyebabkan sesi dialog seterusnya terganggu kerana masa yang diperuntukkan menjadi lebih panjang daripada yang dirancang. Tambahan pula, terdapat peserta yang hadir pada waktu yang berbeza, sekali gus menjejaskan kelancaran sesi perbincangan.

Selain itu, berlaku perubahan jadual sesi *Focus Group Discussion* (FGD) pada hari kedua lawatan yang melibatkan komuniti Nelayan Laut. Ketua Penyelidik menerima makluman tentang perubahan ini pada saat akhir, berikutan permintaan daripada para peserta yang terlibat. Perubahan ini dibuat bagi menyesuaikan sesi dialog dengan jadual kerja nelayan yang perlu turun ke laut pada waktu pagi. Justeru, Ketua Penyelidik bersetuju untuk menunda sesi tersebut ke sebelah petang, selepas para nelayan pulang daripada menangkap hasil laut, bagi memastikan kehadiran peserta lebih optimum dan sesi dialog dapat berlangsung dengan lebih efektif.

Cabaran lain yang dihadapi adalah kekangan komunikasi akibat perbezaan bahasa. Parlimen Besut terkenal dengan penggunaan dialek Pantai Timur yang agak pekat, yang kadangkala menyukarkan pemahaman antara penyelidik dan peserta sesi dialog. Walau bagaimanapun, kekangan ini dapat diatasi dengan adanya kerjasama daripada para peserta yang membantu menterjemahkan beberapa perkara ke dalam Bahasa Malaysia yang lebih jelas, terutamanya bagi penyelidik yang tidak berasal dari Pantai Timur. Kesediaan peserta untuk menyesuaikan komunikasi ini telah membantu memastikan sesi dialog tetap berjalan dengan lancar dan maklumat dapat diperoleh dengan lebih tepat.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian bagi Parlimen Besut dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek utama. Pertama, kehadiran peserta dalam sesi dialog dengan harapan mendapatkan bantuan atau manfaat tertentu telah menjejaskan objektiviti kajian. Para penyelidik menghadapi kesukaran dalam memastikan sesi dialog benar-benar menumpukan kepada isu-isu mendesak kerana peserta cenderung memberikan jawapan yang berorientasikan bantuan yang diinginkan.

Sebagai contoh, dalam sesi dialog bersama ibu tunggal, peserta memberikan respons yang lebih cenderung kepada aspek bantuan berbanding permasalahan sebenar yang mereka hadapi. Kesukaran ini turut menyebabkan para penyelidik menghadapi cabaran dalam mengalihkan fokus perbincangan daripada isu bantuan semata-mata kepada isu-isu lain yang lebih mendesak dalam komuniti tersebut.

Selain itu, kekurangan kerjasama daripada peserta dalam sesi dialog turut menjadi salah satu batasan kajian. Dalam beberapa sesi, hanya ketua atau wakil peserta yang aktif berbicara dan memberikan pendapat, manakala peserta lain kurang terlibat dalam perbincangan. Hal ini mengakibatkan data yang diperoleh kurang menyeluruh dan tidak mencerminkan pandangan keseluruhan komuniti.

Tambahan pula, jumlah peserta yang terhad dalam sesi dialog turut menjadi faktor yang membatasi kajian. Sebagai contoh, sesi dialog bersama petani hanya melibatkan tujuh orang peserta dan kesemuanya terdiri daripada petani lelaki sahaja. Keadaan ini menyebabkan hasil kajian tidak bersifat inklusif dan kurang mewakili perspektif yang lebih luas dalam kalangan komuniti petani, khususnya daripada sudut kepelbagaian jantina dan pengalaman.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 6. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran Ekonomi dan Kos Sara Hidup	Peningkatan kos sara hidup: Harga barang asas seperti beras, minyak masak, baja, dan makanan ternakan meningkat mendadak, membebankan komuniti seperti ibu tunggal, petani, nelayan, dan peniaga pasar malam. Peluang pekerjaan terhad: Kekurangan pekerjaan tempatan memaksa belia berhijrah atau bekerja dalam sektor yang tidak diminati. Lulusan universiti sukar mendapat pekerjaan bersesuaian.	Sosial Ekonomi	Komuniti Ibu Tunggal Nelayan Darat – Penternak Ikan Siakap Komuniti Siam Pok Kiang Peniaga Pasar Malam Komuniti Petani	Kg Lay Out Kg Air Tawar Kg Keluang Kg Kruak Kg Belaoh	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 – Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.5 – Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Kesulitan ekonomi nelayan dan petani: Kos operasi perikanan dan pertanian meningkat, termasuk kos bahan api, baja, jentera, dan logistik. Ketidakstabilan harga jualan hasil turut menjejaskan pendapatan. Kesukaran pemasaran hasil: Monopoli orang tengah dalam pemasaran hasil pertanian dan perikanan menyebabkan harga jualan rendah dan tidak menentu.				dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan Sasaran 10.2 – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain. SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1 – Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
2.	Akses kepada Bantuan dan Kebajikan	Kesukaran mengakses bantuan kebajikan: Proses birokrasi yang rumit, pilih kasih dalam pemberian bantuan, dan kekurangan maklumat menghalang ibu tunggal, komuniti Siam, dan petani daripada menerima sokongan yang diperlukan. Kelewatan bantuan bencana: Bantuan kepada mangsa banjir dan bencana sering lambat tiba, menyebabkan kesukaran kepada komuniti terjejas.	Ekonomi Sosial	Komuniti Ibu Tunggal Komuniti Siam Pok Kiang Komuniti Nelayan Laut Komuniti Mangsa Banjir	Kg Lay Out Kg Keluang Kg Benting Lintang Kg Belaoh	SDG 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.3 – Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang bersesuaian secara nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan yang besar kepada golongan miskin dan rentan. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan Sasaran 10.2 – Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain. SDG 11: Bandar dan Masyarakat Mampan Sasaran 11.5 – Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah.
3.	Infrastruktur dan Persekitaran	Keadaan jalan raya dan penyelenggaraan infrastruktur: Jalan berlubang dan tidak selamat, dan kekurangan lampu jalan. Masalah banjir dan hakisan pantai: Banjir berulang akibat sistem saliran tidak berkesan, pembalakan, dan projek pembangunan seperti ECRL.	Ekonomi Sosial Alam Sekitar	Komuniti Peniaga Pasar Malam Komuniti Nelayan Laut Komuniti Felda Kg Tenang Komuniti Petani	Kg Benting Lintang Kg Belaoh Kg Kruak, Kg La, Pasir Akar Jalan utama dan kampung di Besut	SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1 - Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Hakisan pantai mengancam kehidupan nelayan laut. Pengurusan sampah yang tidak cekap: Kekurangan tong sampah dan penempatan yang tidak sesuai.				SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.2 – Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim Sasaran 13.1 – Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 14: Kehidupan di Bawah Air Sasaran 14.2 – Menjelang 2020, urus dan lindungi ekosistem marin dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang ketara, termasuk dengan mengukuhkan daya tahan mereka, dan mengambil tindakan untuk pemulihannya bagi mencapai lautan yang sihat dan produktif.
4.	Fenomena peminggiran sosial (<i>social exclusion</i>) dalam kalangan komuniti	Penyalahgunaan dadah dan gejala sosial: Penyebaran dadah seperti pil kuda, ketum, dan cendawan khayal dalam kalangan belia, disertai dengan peningkatan jenayah kecil seperti kecurian.	Sosial Tadbir Urus	Komuniti Siam Pok Kiang Komuniti Felda Kg Tenang Komuniti Petani Komuniti Mangsa Banjir	Kg Keluang Kg Belaoh Felda Kg Tenang Pangsapuri Ar-Rahman	SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera Sasaran 3.5 – Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya. SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Isu kewarganegaraan: Terdapat penduduk yang tidak memiliki dokumen pengenalan rasmi akibat perkahwinan campur atau pendaftaran lewat.				Sasaran 10.3 - Memastikan peluang yang sama dan mengurangkan ketaksamaan hasil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan diskriminasi dan menggalakkan perundangan, dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini. SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat Sasaran 16.9 - Menjelang 2030, sediakan identiti sah kepada semua, termasuk pendaftaran kelahiran.
5.	Cabaran Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	Ancaman haiwan liar : Serangan haiwan seperti babi hutan, monyet mengancam keselamatan penduduk dan merosakkan tanaman. Perubahan iklim: Cuaca tidak menentu memberi	Sosial Alam Sekitar	Komuniti Nelayan Darat – Penternak Ikan Siakap Komuniti Petani Komuniti	Kg Air Tawar Kg Belaoh Kg Subhanallah Kg La	SDG 2: Sifar Kebutuhan Sasaran 2.4 - Menjelang 2030, memastikan sistem pengeluaran makanan yang mampan dan melaksanakan amalan pertanian berdaya tahan yang meningkatkan produktiviti dan pengeluaran, yang membantu mengekalkan ekosistem, yang mengukuhkan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		kesan negatif kepada hasil pertanian dan penternakan akuakultur, menyebabkan kematian tanaman dan ikan. Kekerapan banjir dan bencana banjir yang tiada kesudahan		Penanam Sayur, Komuniti Mangsa Banjir	Kg Taman Tasik, Kg Nail	keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, cuaca ekstrem, kemarau, banjir dan bencana lain, dan yang secara beransur-ansur meningkatkan kualiti tanah dan tanah. SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim Sasaran 13.1 – Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara. SDG 15: Kehidupan Darat Sasaran 15.5 – Ambil tindakan segera dan penting untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi, menghentikan kehilangan biodiversiti dan, menjelang 2020, melindungi dan mencegah kepupusan spesies terancam

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal Tarikh: 22 Januari 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2. Pejabat Belia dan Sukan 3. PERHILITAN 4. Jabatan Kerja Raya (JKR) 5. Jabatan Veterinar 6. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 7. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) 8. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
1.	Kesukaran ibu tunggal dalam mengakses sokongan kebajikan	Kelayakan bantuan kebajikan tidak mesra realiti (dinilai pada “boleh bekerja/sihat/muda”) menyebabkan ibu tunggal dan penjaga OKU takut memohon atau kerap ditolak/ditangguh.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Definisi ibu tunggal seringkali ditafsirkan secara longgar dalam konteks masyarakat kampung. Istilah ini bukan sahaja merujuk kepada wanita yang bercerai hidup atau mati, tetapi juga digunakan terhadap wanita yang suaminya dalam tahanan (penjara) atau digantung tidak bertali, bahkan wanita warga emas yang tinggal bersendirian.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Status ibu tunggal bukan penentu utama kelayakan bantuan. Kriteria yang lebih penting adalah pendapatan dan tanggungan. JKM turut menjelaskan bahawa banyak individu yang bukan ibu tunggal pun layak dan menerima bantuan, manakala ada juga ibu tunggal yang tidak layak disebabkan pendapatan atau aset tertentu. Maka, kekeliruan sering timbul apabila masyarakat melihat daripada sudut status, bukan daripada aspek ekonomi sebenar
		Kriteria pekerjaan dianggap menyukarkan bantuan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menjelaskan bahawa tiada bantuan yang khusus untuk ibu tunggal, sebaliknya bantuan yang disalurkan bergantung kepada beberapa kriteria utama, khususnya: • Bilangan tanggungan – Bantuan diberikan sekiranya penerima mempunyai anak berusia 18 tahun ke bawah. Sekiranya anak-anak telah dewasa (contohnya lelaki berusia 25 atau 30 tahun), maka mereka tidak lagi dikira sebagai tanggungan, walaupun masih tinggal bersama.
		Pengalaman tidak konsisten antara agensi/masa (pernah ada, kemudian tiada).	
		Proses permohonan lambat/tiada maklum balas yang jelas.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Keadaan kesihatan – Sekiranya penerima tidak mempunyai tanggungan tetapi menghidap penyakit kronik atau memerlukan rawatan berterusan, bantuan kewangan akan dipertimbangkan bagi menampung kos perubatan, lampin pakai buang (pampers) dan keperluan seumpamanya. JKM menegaskan bahawa bantuan tidak boleh dilihat daripada satu sudut sahaja, sebaliknya harus dilihat daripada pelbagai faktor kehidupan seperti tahap ekonomi, tanggungan, kesihatan dan kedudukan sosial.
		Maklumat bantuan sukar diperoleh dan ramai tidak tahu saluran/skim yang wujud.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menegaskan bahawa dalam era digital, akses kepada maklumat sudah lebih terbuka. Ramai individu sudah celik IT dan tahu saluran permohonan bantuan, justeru dakwaan ramai yang tercicir dianggap tidak begitu tepat kecuali kes-kes yang baru bercerai atau kematian suami dalam tempoh terdekat yang masih dalam proses permohonan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Persepsi ketidaktelusan/pilih kasih dalam agihan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terdapat mesyuarat fokus kumpulan yang bersidang setiap bulan, yang menyemak dan mengemas kini senarai miskin tegar dan penerima bantuan. JKM menyangkal perkara ini dengan menyatakan sebahagian besar aduan mungkin dipengaruhi oleh kekecewaan peribadi seperti pemohon pernah mohon tetapi gagal. Sebaiknya, pemohon boleh datang bertanya sebab permohonan ditolak, sama seperti proses temu duga kerja: perlu ada sebab untuk dipilih. Tambahan, parti politik tidak menjadi faktor kelayakan.
		Keperluan sebenar di mana pendapatan tidak mencukupi dan ramai ibu tunggal tidak bekerja.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menjelaskan kategori miskin tegar masih wujud di Besut. Malah secara amnya, miskin tidak akan pernah hapus sepenuhnya, walaupun sesebuah negara itu maju. Angka atau statistik miskin tegar perlu dirujuk kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM). JKM menyarankan agar bantuan berbentuk pemerkasaan ekonomi ("onsep "beri "ancing") dipertingkatkan, bukan hanya bantuan kewangan bulanan semata-mata.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Contoh bentuk “pancing” yang dicadangkan: • Latihan dan bantuan untuk perniagaan • Program penternakan • Projek pertanian JKM menyatakan bahawa banyak agensi sedia ada memang sudah melaksanakan program seumpama itu, namun JKM sendiri juga wajar diberikan peruntukan atau peluang melaksanakan bentuk bantuan sebegini.
2.	Defisit peluang ekonomi dan daya saing tempatan	Peluang pekerjaan tempatan terhad dan ketidakpadanan kerja.	Pejabat Belia dan Sukan Isu peluang pekerjaan yang terhad dalam kalangan belia di daerah Besut merupakan satu cabaran yang nyata. Antara sebab utama isu ini berlaku adalah kerana wujudnya persepsi negatif dalam kalangan belia terhadap pekerjaan yang dianggap berat, kotor atau memalukan seperti bekerja di kilang keropok. Kebanyakan belia kini lebih cenderung memilih pekerjaan dalam sektor ekonomi gig seperti penghantar makanan GrabFood kerana ia dilihat lebih fleksibel dan bebas.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Bagi menangani perkara ini, kerajaan negeri bersama agensi seperti PERKESO dan JobMalaysia telah menjalankan beberapa inisiatif melalui kerjasama dengan Pejabat Belia. Antara inisiatif tersebut termasuk program outreach yang menyasarkan belia untuk ditempatkan bekerja di kilang-kilang di luar negeri seperti di Selangor. Contohnya, terdapat belia dari Besut yang berjaya ditempatkan bekerja di kilang Panasonic, lengkap dengan kemudahan asrama dan pengangkutan. Namun begitu, sambutan terhadap program ini tidak menyeluruh kerana masih ada belia yang enggan berpindah dan lebih suka bekerja di dalam daerah sendiri. Pihak Pejabat Belia mencadangkan agar lebih banyak program latihan yang berasaskan soft skills serta bantuan awal seperti geran pemula perniagaan dapat disalurkan kepada belia tempatan. Bantuan ini boleh memupuk minat dan bakat mereka untuk menceburi perniagaan kecil seperti kedai goodies, perkhidmatan kejutan (<i>surprise delivery</i>), atau perniagaan bakeri. Di samping itu, daerah Besut mempunyai struktur organisasi belia yang aktif melalui Majlis Belia Daerah di bawah Majlis Belia Malaysia. Majlis ini merangkumi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			gabungan pelbagai persatuan belia di peringkat kampung. Oleh itu, sekiranya ada sokongan dana, program pembangunan belia boleh digerakkan secara lebih meluas dengan kerjasama antara pelbagai agensi tempatan.
		Pengangguran graduan universiti.	Pejabat Belia dan Sukan Isu pengangguran dalam kalangan graduan turut dibangkitkan. Ramai graduan dari pantai timur sukar memperoleh pekerjaan dalam bidang mereka kerana kekurangan sektor industri di daerah ini. Kebanyakan peluang pekerjaan profesional berada di negeri-negeri pantai barat, menyebabkan ramai graduan terpaksa bekerja di luar daerah atau luar bidang pengajian. Sebagai contoh program yang berjaya, Pejabat Belia memaklumkan bahawa pada tahun lepas terdapat program latihan selama 21 hari dalam bidang automotif yang dilaksanakan di Besut dengan dana daripada Kementerian Sumber Manusia. Hasilnya, peserta program berjaya diserap masuk ke dalam industri automotif di Perodua. Program seperti ini dilihat sangat berkesan dan disarankan agar dapat dilaksanakan secara berkala serta diperluas kepada bidang-bidang lain.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pejabat Belia dan Sukan menjelaskan bahawa isu kekurangan tenaga kerja tempatan dalam sektor pembinaan dan perladangan bukan semata-mata disebabkan oleh pengambilan pekerja asing, tetapi berpunca daripada kurangnya minat dalam kalangan belia tempatan terhadap pekerjaan fizikal yang dianggap tidak menarik. Mereka turut berpandangan bahawa dasar-dasar sedia ada mungkin menyumbang kepada persepsi negatif tersebut. Justeru, satu kajian terperinci dicadangkan bagi mengenal pasti punca sebenar ketidaktertarikan ini, agar strategi intervensi yang lebih berkesan dapat dirangka untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor yang berpotensi menjana pendapatan tinggi.
		Pendapatan tidak tetap dan tekanan kos sara hidup dalam kalangan ibu tunggal.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Persaingan e-dagang (TikTok/online) menjejaskan jualan peniaga kecil tempatan.	Pejabat Belia dan Sukan Bersetuju dengan cabaran dalam dunia perniagaan hari ini semakin ketara dengan kehadiran peniaga atas talian. Oleh itu, terdapat satu cadangan agar latihan berkaitan strategi pemasaran digital seperti pembuatan kandungan untuk siaran langsung di platform seperti TikTok diberikan agar mereka dapat bersaing dengan lebih efektif.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Latihan ini bukan sahaja tertumpu kepada kemahiran teknikal, tetapi juga merangkumi kandungan penyampaian yang berkualiti.
3.	Keperluan tambah baik infrastruktur asas	Terdapat lubang besar di hadapan Agrobazar yang memerlukan penyelenggaraan segera.	Jabatan Kerja Raya (JKR) Memaklumkan bahawa isu berkaitan lubang besar di hadapan Agrobazar Rakyat Tok Saboh telah pun diselesaikan. Walau bagaimanapun, menurut pegawai JKR, masalah tersebut melibatkan kerosakan pada struktur asas jalan (<i>road base</i>), dan bukan sekadar masalah permukaan. Oleh itu, walaupun kerja penampalan (<i>pothole patching</i>) telah dilakukan, ia tidak mampu menyelesaikan isu secara menyeluruh. Dalam kes seperti ini, JKR akan meletakkan papan tanda amaran “jalan rosak” sebagai langkah sementara sebelum pembaikan kekal dapat dilaksanakan. Pegawai turut menjelaskan bahawa secara dasarnya, aduan berkaitan lubang jalan sepatutnya diselesaikan dalam tempoh 24 jam mengikut akujanji JKR. Dalam aspek pengurusan aduan, JKR menyatakan bahawa aduan boleh disalurkan melalui pelbagai saluran. Aduan boleh dibuat terus kepada JKR tanpa perlu melalui Ketua Kampung atau pihak lain.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Malah, JKR mempunyai sistem dalam talian sendiri, iaitu SISPA yang membolehkan orang awam mengemukakan aduan secara terus dan mudah.
4.	Keperluan penguatkuasaan aktiviti ternakan lepas bebas dan pengurusan pembangunan	Kerosakan tanaman akibat ternakan berkeliaran.	Jabatan Veterinar Memaklumkan bahawa banyak haiwan ternakan seperti lembu dan kambing yang berkeliaran di jalan raya tidak mempunyai sistem penandaan atau tagging, menyebabkan sukar untuk mengenal pasti pemilik sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan tanaman. Menurut prosedur, pihak Veterinar hanya boleh mengambil tindakan ke atas haiwan yang dikenal pasti pemiliknya. Sekiranya tiada maklumat, kuasa terletak di bawah pihak Majlis Daerah.
		Gangguan ternakan berkeliaran di kawasan perumahan hingga memasuki perkarangan rumah penduduk.	
		Kesannya terhadap keselamatan jalan raya dan risiko kemalangan (terutama waktu malam).	
		Kehadiran haiwan liar (babi hutan) merosakkan tanaman	Jabatan PERHILITAN Wakil Jabatan PERHILITAN Besut memaklumkan bahawa aduan berkaitan babi hutan di Kampung Layout adalah kes pertama yang diterima sejak sekian lama. Sebelumnya, populasi babi hutan telah menurun secara mendadak akibat wabak Demam Afrika, namun kini haiwan tersebut mula kembali ke kawasan penduduk. Jabatan sedang giat mengambil sampel untuk pemantauan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pihak PERHILITAN menyeru agar sebarang aduan berkaitan babi hutan disalurkan terus ke pejabat mereka di talian 09-6956209. Sekiranya perlu, pihak mereka akan memasang perangkap atau mengambil tindakan menembak jika babi tersebut tidak berjaya ditangkap.
5.	Bencana banjir	Kekerapan dan tren tahunan (banjir hampir setiap tahun).	Polis Diraja Malaysia (PDRM) Menyatakan bahawa banjir merupakan antara isu paling besar di Besut. Banjir berlaku setiap tahun secara berulang, malah terdapat beberapa fasa banjir seperti Banjir Fasa 1 dan Fasa 2. Keadaan ini telah menyebabkan ramai penduduk terjejas dan menanggung kesusahan setiap kali bencana berlaku.
		Punca banjir adalah lokasi berhampiran sungai dan limpahan.	
		Impaknya, rumah tenggelam dan paras air tinggi.	
6.	Tingkah laku anti-sosial dan peminggiran sosial	Penyalahgunaan dadah dan ketum yang berlaku di kawasan flat.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Agensi bersetuju tentang realiti komuniti PPRT di mana, kadar gejala sosial sangat tinggi. Faktor ini dikaitkan dengan tahap mentaliti, tekanan ekonomi dan ketandusan bimbingan kerohanian.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Pengurusan sisa pepejal masih belum memadai	Tong sampah berada di luar kawasan kampung dan bilangan tong tidak mencukupi.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Memaklumkan bahawa tanggungjawab kutipan sampah adalah di bawah pihak Majlis Daerah, yang menyediakan tong sampah kepada rumah-rumah penduduk Penghulu dan Pegawai Kesihatan Daerah (PKD) Menyatakan bahawa isu utama bukan sahaja kekurangan tong sampah, tetapi juga kekerapan kutipan sampah yang terlalu jarang. Kutipan yang tidak konsisten menyebabkan sampah bertimbun, terutama apabila jarak antara satu kutipan ke satu kutipan terlalu jauh. Menurut PKD, keadaan ini telah menimbulkan masalah berangkai. Pertama, apabila berlaku longgokan sampah yang tidak dikutip, ia menarik kehadiran haiwan perosak seperti lembu, anjing dan haiwan liar lain yang mengais sampah. Kedua, terdapat segelintir penduduk yang bertindak membakar sampah tersebut, dan tindakan ini menyebabkan tong sampah rosak dan terbakar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Akibatnya, Majlis Daerah menghadapi kesukaran untuk menggantikan tong yang rosak kerana kekangan kos, yang seterusnya menyumbang kepada isu kekurangan tong sampah di kawasan tersebut. Penghulu menjelaskan bahawa ianya di bawah Majlis Daerah dan tidak melibatkan pihak ketiga seperti syarikat luar, namun PDRM menjelaskan bahawa terdapat kontraktor yang dilantik melalui kontrak oleh Majlis.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Nelayan Darat (Penternak Ikan Siakap di Kg Air Tawar) Tarikh: 22 Januari 2025 Bilangan peserta: 13 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: Tiada
1.	Peningkatan kos operasi dalam sektor perikanan	Harga makanan ikan meningkat ketara sejak PKP, dengan harga pallet 2kg naik daripada bawah RM100 kepada RM152. Kos makanan dari Vietnam mencecah RM150 sebeg, manakala makanan berkualiti dari Jepun lebih mahal. Kos operasi tinggi dan risiko kerugian dalam penternakan ikan. Kos elektrik yang tinggi, hampir menyamai kos modal, membebankan pengusaha kerana penggunaan berterusan motor pam dan pam oksigen 24 jam. Kenaikan tarif sebanyak 14% menambah tekanan, manakala alternatif tenaga solar memerlukan kos tinggi dan ketahanan terhadap air masin.	Tiada maklum balas

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Medium pemasaran hasil penternakan ikan terhad	Monopoli orang tengah dan harga jualan tidak memadai.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Kesukaran untuk mengakses sokongan bantuan dan subsidi	Proses agihan permohonan bantuan SPEK dianggap tidak telus.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Medium penyampaian maklumat terhad (tiada taklimat skim bantuan).	
		Ketiadaan TOL menghalang kelayakan menerima bantuan.	
4.	Kemampuan penternak akuakultur semakin berkurangan	Bilangan penternak di Kampung Air Tawar semakin berkurangan, berpunca daripada kekurangan sistem sokongan dan ketiadaan pusingan modal yang berterusan.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Perubahan iklim	Perubahan cuaca mengubah parameter air (PH/kemasinan/suhu) dan menekan kesihatan ikan.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Siam Pok Kiang, Kg Keluang Tarikh: 22 Januari 2025 Bilangan peserta: 33 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 3 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pertanian 2. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 4. Jabatan Veterinar 5. Pejabat Daerah Besut 6. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) 7. Jabatan Kerja Raya (JKR) 8. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 9. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
1.	Peningkatan kos input dan kebolehlaksanaan pertanian setempat	Kenaikan berterusan kos input pertanian dan ternakan dengan harga dedak yang sentiasa naik. Manakala peningkatan harga baja daripada anggaran sekitar RM60 kepada RM100 dan daripada RM150 kepada lebih RM200.	Jabatan Pertanian Agensi menjelaskan bahawa petani banyak bergantung kepada baja import seperti YaraMila dan Kuda Merah yang berkualiti tetapi mahal. Kos input seperti baja dan racun semakin meningkat disebabkan kenaikan harga oleh syarikat pengeluar, termasuk yang beroperasi dalam negara. Pegawai Pejabat Pertanian mencadangkan penubuhan syarikat baja tempatan di bawah inisiatif Kementerian Pertanian bagi mengurangkan kebergantungan kepada baja import. Namun, cabaran utama ialah baja buatan tempatan sering berkualiti rendah kerana tiada pemantauan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Akta Baja juga telah diangkat ke Parlimen (dalam proses giliran) dan apabila diluluskan, akan membolehkan Pejabat Pertanian membuat pemantauan dan penguatkuasaan ke atas kandungan baja, termasuk memastikan spesifikasi NPK dipatuhi. Subsidi baja ada disediakan tetapi jumlahnya terhad. Di Hulu Besut, hanya satu petani sahaja yang diluluskan untuk menerima subsidi tahun ini. Keutamaan diberikan secara giliran kerana jumlah petani berdaftar sangat ramai.
		Ketiadaan mesin tenggala dan traktor.	Jabatan Pertanian Disebabkan jawatan Pemandu Traktor telah dijumlahkan, perkhidmatan bajak dan jentera terpaksa diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), yang mengenakan caj lebih tinggi.
		Ketidakstabilan harga racun yang dipacu oleh kenaikan minyak.	Jabatan Pertanian Tiada subsidi disediakan untuk racun kerana dasar semasa menggalakkan amalan pertanian baik (GAP). Namun begitu, pegawai mencadangkan agar kementerian kawal harga racun yang kebanyakannya diimport.
		Terdapat keperluan bantuan pertanian secara meluas (ramai memerlukan).	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Ketidakseimbangan harga hasil pertanian dan penternakan	Pendapatan pengusaha tani tidak stabil akibat kejatuhan harga dan lambakan hasil.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Menyatakan masalah lambakan hasil juga berpunca daripada penanaman tidak mengikut jadual yang disyorkan, kerana petani dan ketua kelompok membuat keputusan sendiri mengikut strategi mereka. Ada yang menanam lewat untuk mengelak musim lambakan, dan berharap memperoleh harga lebih tinggi. Jabatan Pertanian Mengesahkan bahawa jadual penanaman hanya bersifat saranan, dan petani tetap mempunyai perancangan sendiri berdasarkan peraih dan pemborong yang telah ditetapkan. Malah pemborong ini dikatakan beroperasi seperti “kartel” kerana mereka mempunyai kumpulan tersendiri, termasuk kumpulan WhatsApp, yang menyelaraskan aktiviti pembelian dan harga.
		Sejak 2–3 tahun lalu, penternak berdepan dengan kejatuhan harga pasaran dan permintaan lemah akibat persaingan lembu import dari Thailand. Pembelian lembu ternakan yang dibeli RM8,000 dua tahun lalu kini mampu dijual sekita RM3,000 sahaja, menekan kelangsungan penternakan.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pegawai JPS (pandangan peribadi) mengesahkan penurunan harga lembu yang kini sekitar RM19–RM20 sekilogram, berbanding sebelum ini RM28–RM30. Salah satu punca utama yang dikenalpasti ialah harga dedak yang masih tinggi, iaitu sekitar RM58.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Jabatan Veterinar Menjelaskan bahawa mereka tidak terlibat dalam kawalan harga, dan mengesahkan bahawa perubahan harga juga berpunca daripada isu lambakan lembu dari Thailand. Disebabkan sekatan pasaran ke China dan Myanmar, banyak lembu dari Thailand masuk ke Malaysia, termasuk kemungkinan secara tidak sah, sekali gus menjejaskan harga pasaran tempatan. Wakil dari Pejabat Daerah Besut Turut membandingkan situasi dengan lambakan kambing dari Kemboja sebelum ini yang turut menjadi isu nasional.
3.	Kesukaran dalam mengakses sokongan kebajikan.	Pemohonan bantuan kebajikan sukar diperoleh apabila kaedah penilaian JKM mengira pendapatan isi rumah termasuk gaji anak-anak yang sudah berkeluarga, menyebabkan purata pendapatan kelihatan tinggi lalu permohonan ditolak. Penilaian bantuan hanya berdasarkan luaran, sebagai contohnya dengan melihat kemampuan anak-anak yang bekerja dan memiliki kereta.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) JKM menjelaskan bahawa bantuan yang disalurkan bergantung kepada beberapa kriteria utama, khususnya: 1. Bilangan tanggungan – Bantuan diberikan sekiranya penerima mempunyai anak berusia 18 tahun ke bawah. Sekiranya anak-anak telah dewasa (contohnya lelaki berusia 25 atau 30 tahun), maka mereka tidak lagi dikira sebagai tanggungan, walaupun masih tinggal bersama.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			2. Keadaan kesihatan – Sekiranya penerima tidak mempunyai tanggungan tetapi menghidap penyakit kronik atau memerlukan rawatan berterusan, bantuan kewangan akan dipertimbangkan bagi menampung kos perubatan, lampin pakai buang (pampers) dan keperluan seumpamanya. JKM menegaskan bahawa bantuan tidak boleh dilihat dari satu sudut sahaja, sebaliknya harus dilihat dari pelbagai faktor kehidupan seperti tahap ekonomi, tanggungan, kesihatan dan kedudukan sosial
		Persepsi pilih kasih dan diskriminasi bantuan.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terdapat mesyuarat fokus kumpulan yang bersidang setiap bulan, yang menyemak dan mengemas kini senarai miskin tegar dan penerima bantuan. JKM menyangkal perkara ini dengan menyatakan sebahagian besar aduan mungkin dipengaruhi oleh kekecewaan peribadi seperti pemohon pernah mohon tetapi gagal. Sebaiknya, pemohon boleh datang bertanya sebab permohonan ditolak, sama seperti proses temu duga kerja: perlu ada sebab untuk dipilih. Tambahan, parti politik tidak menjadi faktor kelayakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Peningkatan kos sara hidup	Terdapat peningkatan kos barangan asas dan utiliti, di samping kemerosotan kuasa beli dalam kalangan komuniti Siam.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) KPDN menyatakan bahawa peningkatan kos barangan asas bukan hanya berlaku di Besut, tetapi merupakan fenomena nasional. Bagi menangani isu ini, kerajaan melalui KPDN melaksanakan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) yang dijalankan dua kali sebulan di setiap DUN, termasuk empat DUN di Besut, iaitu Kuala Besut, Kota Putera, Jertih dan Hulu Besut. PJRM dijalankan dalam dua bentuk, iaitu di premis tetap dan secara PJRM bergerak dengan konsep "kedai cari rakyat", iaitu bekerjasama dengan pemimpin setempat untuk menjual barang keperluan asas seperti gula, minyak, tepung, beras dan telur dengan pengurangan harga sehingga 30% lebih murah berbanding harga pasaran. Subsidi dalam program ini disuntik terus kepada barangan dan dinikmati secara langsung oleh pengguna.
5.	Kekurangan kemudahan asas dan sokongan perkhidmatan	Terdapat keperluan penyelenggaraan infrastruktur jalan, termasuk lampu dan pembersihan rumput bahu jalan.	Jabatan Kerja Raya (JKR) JKR menjelaskan bahawa terdapat beberapa isu yang di luar bidang kuasa mereka. Contohnya, isu penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, longkang, lampu jalan dan pemotongan rumput di kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	komuniti (Cabang Empat Pok Kiang).		Cabang Empat Pok Kiang bukan di bawah JKR, sebaliknya di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah. Tambahan, skop tanggungjawab bagi penyelenggaraan lampu jalan melibatkan beberapa pihak bergantung kepada lokasi. Jika lampu jalan dipasang di tiang milik TNB, maka penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab TNB. Manakala, lampu jalan yang dipasang pada tiang milik JKR adalah dalam bidang kuasa JKR. Sekiranya lampu terletak di kawasan milik Majlis Daerah atau entiti lain seperti masjid, maka tanggungjawab penyelenggaraan biasanya terletak di bawah pemilik premis berkenaan atau pihak berkuasa tempatan.
		Permohonan lampu jalan secara persendirian memerlukan bayaran antara RM300 hingga RM600, bergantung kepada jenis lampu.	Polis Diraja Malaysia (PDRM) PDRM mengesahkan berlakunya perkara ini dan mencadangkan agar TNB menghapuskan bayaran permulaan tersebut dan membenarkan penduduk hanya membayar secara ansuran bulanan, sebagaimana yang pernah diamalkan sebelum ini. Penghulu turut mengesahkan bahawa bayaran permulaan ini mula dikenakan sekitar tahun 2018.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Beliau menjelaskan bahawa tanpa bayaran deposit sebanyak RM900 untuk lampu putih atau RM300 untuk lampu kuning, mungkin lebih ramai penduduk akan mampu menyediakan pencahayaan di kawasan kediaman mereka. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) JPN juga menyatakan sokongan terhadap keperluan mengkaji semula dasar bayaran ini. Pegawai mencadangkan agar kerajaan atau pihak berkuasa menyediakan sumbangan khas untuk menampung bayaran deposit tersebut bagi meringankan beban penduduk luar bandar.
6.	Kekangan logistik dan kos pengurusan jenazah komuniti Siam	Komuniti Siam terpaksa menyewa van berharga RM500 apabila berlaku kematian kerana ketiadaan peruntukan bagi pengurusan mayat.	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Peniaga Pasar Malam Tarikh: 23 Januari 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) 2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 3. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
1.	Pelanggan berkurang dan kuasa beli lemah (pasca-pandemik)	Para peniaga pasar malam berhadapan dengan kekurangan pelanggan dan jualan perlahan sejak pandemik. Kesannya, pendapatan mereka pada masa kini hanya sekadar mencukupi dan jauh berbeza berbanding sebelum COVID. Faktor utama kurang pembeli dan jualan merosot ialah kekangan kewangan pembeli serta kebergantungan kepada cuaca yang mana kebanyakan pembeli bekerja kampung. Sebagai contohnya, pembeli yang menoreh getah akan hilang sumber pendapatan apabila musim hujan. Kesannya, mereka tidak dapat berbelanja. Persaingan saluran baharu (COD/gerai tepi jalan/rumah).	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kos input naik dan sukar diperolehi	Harga bahan mentah naik secara berterusan tanpa penurunan. Sebagai contohnya, harga ayam naik daripada RM4 kepada RM8–RM10.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 4, Peningkatan kos sara hidup.</i>
		Peniaga sukar mendapatkan bekalan bahan mentah dan terpaksa mencari di banyak kedai terutamanya bagi bahan mentah seperti minyak dan telur.	
		Kesukaran mendapatkan minyak paket bersubsidi dan had pembelian. Ini memberi kesan kepada peniaga makanan di pasar malam kerana mereka memerlukan bekalan minyak secara berterusan.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) KPDN menyatakan penggunaan minyak masak subsidi khusus untuk isi rumah sahaja, bukan untuk peniaga. Sekiranya seseorang didapati menyimpan lebih daripada 12 paket minyak subsidi, ia dianggap satu kesalahan dan boleh dikompaun. Penjual juga hanya boleh menjual kepada mereka yang mempunyai lesen sah, dan bukan kepada pemborong atau peniaga tanpa kelulusan.
3.	Bencana banjir	Kawasan Pasir Akar, Batu 13 dan Bukit Payung sekitarnya sekiranya kerap dilanda banjir, terutama pada musim tengkujuh. Paras air pernah mencecah pinggang di tapak pasar malam. Punca dikenal pasti ialah kedudukan kawasan rendah berhampiran empangan (Paya Jajar, Paya Peda).	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Satu isu kritikal yang dibangkitkan adalah berkaitan kegiatan perlombongan pasir haram di kawasan Hulu Besut, terutamanya sekitar Batu 13 dan Sungai Pelagat. JPS mendedahkan bahawa walaupun pihak mereka tidak menyokong permohonan melombong pasir di kawasan tertentu, kelulusan masih diberikan di peringkat negeri.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pembinaan projek ECRL dilihat memperburuk keadaan kerana tambakan tanah dan landasan bertindak sebagai benteng, menghalang aliran air. Kekurangan sistem saliran dan culvert menambah parah. Bermula tahun 2022, banjir semakin teruk sehingga rumah yang sebelum ini tidak pernah dinaiki air kini turut terjejas. Banjir berlaku beberapa kali setahun, tidak menentu. Aktiviti sedut pasir juga turut menjejaskan aliran sungai. Sebagai contohnya, aktiviti ini menyebabkan masalah hakisan sungai di Kg La. Walaupun aktiviti ini baru beberapa hari ditutup selepas beroperasi hampir dua tahun, kesannya masih berlarutan dan terdapat keraguan mengenai pihak yang memberi lesen. Tapak pasar malam Pasir Akar sering dinaiki air setiap kali hujan kerana parit tersumbat sejak 4-5 tahun lalu. Air bertakung hingga ke paras buku lali, memaksa peniaga berniaga dalam air.	Banyak aktiviti perlombongan pasir dijalankan secara haram dan dilaporkan menggunakan jentera berat tanpa kawalan. Beberapa serbuan telah dijalankan bersama Pejabat Laut Negeri, PDRM dan agensi lain, namun suspek sering kali telah meninggalkan lokasi lebih awal, dipercayai menerima maklumat dalaman terlebih dahulu. Malah, pegawai agensi turut dilaporkan diekori oleh individu yang tidak dikenali selepas operasi, menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan mereka. Kesan daripada aktiviti perlombongan ini amat serius. Sungai menjadi cetek, pam air tersumbat dengan pasir selepas musim banjir, dan infrastruktur menjadi tidak berfungsi. JPS menyatakan bahawa pasir yang banyak menyekat operasi pam air di Pelagat, sehingga kerja pembersihan perlu dilakukan setiap kali selepas banjir. Tindakan terhadap kes-kes ini memerlukan kerjasama pasukan penguat kuasa khas kerana ia melibatkan sindiket besar dengan nilai projek mencecah jutaan ringgit. Menurut KPDN, kes seumpama ini sepatutnya dikendalikan oleh pasukan khas seperti Bukit Aman, bukannya agensi daerah atau individu setempat, kerana melibatkan risiko keselamatan yang tinggi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			JPS menjelaskan bahawa dakwaan projek ECRL menyebabkan air terkepung di Bukit Payung adalah tidak tepat. Menurut JPS, lokasi landasan ECRL yang paling hampir dengan Bukit Payung adalah sejauh 13 kilometer. Maka, berdasarkan kedudukan itu, impak secara langsung daripada ECRL terhadap aliran air di Bukit Payung dianggap hampir tiada. Walau bagaimanapun, JPS mengakui bahawa pengambilan pasir boleh memberi kesan besar kepada sistem saliran dan aliran sungai. Sekiranya hujan turun dan pada masa yang sama air laut pasang, ia akan melambatkan aliran keluar air sungai, seterusnya menyebabkan banjir bertakung yang lebih teruk. JPS turut menyatakan bahawa sebarang permohonan pengambilan pasir akan disiasat di peringkat daerah dan hasil siasatan itu akan dihantar ke ibu pejabat JPS. Namun begitu, pihak JPS daerah tidak mempunyai kuasa untuk menyatakan sokongan atau bantahan secara rasmi kerana kelulusan akhir dibuat oleh kerajaan negeri melalui mesyuarat bersama EXCO atau Jabatan Perancang Negeri (JUPEN).

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Pengurusan sampah dan kebersihan tapak niaga tidak memuaskan	Penempatan tong sampah yang tidak sistematik mengganggu perniagaan. Sampah kerap melimpah dan pungutan tidak menentu. Respons aduan dan pihak berwajib/pemaju kurang berkesan. Rasa tidak selesa berniaga kerana bau/kebersihan.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Infrastruktur dan kemudahan asas tapak niaga tidak memadai	Ketiadaan ruang solat di Tapak Pasar Malam Pasir Akar. Jalan rosak di lokasi tertentu. Ketiadaan lampu jalan dan risiko keselamatan.	<i>Tiada maklum balas</i>
6.	Peluang kerja terhad	Belia tempatan majoritinya bekerja dalam sektor kampung (getah, sawit), manakala peluang kilang jauh di Kampung Raja. Ramai juga belia, termasuk lepasan universiti, masih menganggur.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 2 - Defisit peluang ekonomi dan daya saing tempatan.</i>
7.	Isu kewarganegaraan	Terdapat penduduk yang tidak memiliki kad pengenalan (IC) disebabkan oleh kelewatan dalam proses permohonan atau kerana berkahwin dengan individu daripada kaum Siam.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) JPN menjelaskan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengesan individu yang tidak berdaftar di lapangan. Fungsi mereka hanya mendaftarkan kelahiran dan mengeluarkan dokumen apabila seseorang hadir untuk permohonan. Oleh itu, mereka tidak mempunyai data tentang berapa ramai individu di kampung-kampung yang masih belum berdaftar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			JPN menegaskan bahawa sijil kelahiran tidak menentukan taraf kewarganegaraan. Tambahan permohonan taraf warganegara adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri – KDN. Setiap permohonan akan diberikan resit dengan kod QR, dan pemohon perlu membuat semakan sendiri tentang status permohonan melalui kod tersebut. Bagi kes yang melibatkan permohonan pemastautin, JPN menjelaskan bahawa permohonan ini biasanya diuruskan oleh Pejabat Daerah, terutamanya bagi individu yang dilahirkan di negeri lain tetapi ingin mendaftar sebagai pemastautin di Terengganu. Isu perkahwinan rakyat tempatan (lelaki) dengan warga Thailand (perempuan) tanpa pendaftaran rasmi turut menyebabkan anak yang lahir tidak mendapat taraf warganegara Malaysia secara automatik. Jika tiada sijil nikah yang disahkan, taraf kewarganegaraan anak akan mengikut ibu – yang bukan warganegara. Namun begitu, jika bapa memperoleh pengesahan nikah (sama ada dari Thailand atau pejabat agama), pindaan kepada status warganegara anak boleh dibuat di JPN.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Laut Tarikh: 23 Januari 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
1.	Hakisan pantai menjejaskan operasi nelayan	Masalah hakisan pantai yang semakin serius di Kampung Beting Lintang yang memerlukan pembinaan benteng atau pemecah ombak (<i>breakwater</i>). Hal ini demikian kerana, hakisan semakin rapat ke daratan setiap tahun dan kos pembinaan pemecah ombak ini sangat tinggi yang mencecah ratusan ribu ringgit dan nelayan tidak mampu menanggungnya. Persatuan nelayan pernah membina benteng sementara, namun tidak bertahan kerana akibat air masin. Permohonan membina benteng pemecah ombak ini telah dibawa ke pelbagai mesyuarat peringkat negeri dan kebangsaan (termasuk NEKMAT dan LKIM), namun masih tiada tindakan konkrit kerana faktor kos yang besar. Tambahan, anggaran projek pembinaan breakwater sepanjang 1.7 km adalah bernilai RM26 juta.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan bahawa terdapat beberapa kawasan di Besut yang terlibat dengan isu hakisan pantai, termasuk Beting Lintang. Walau bagaimanapun, keutamaan kini diberikan kepada kawasan Teluk Bayu dan Pachakan kerana melibatkan infrastruktur, kediaman dan keselamatan nyawa. Kedua-dua kawasan ini telah dimasukkan dalam senarai projek, namun masih belum dilaksanakan. Mengenai cadangan kerja-kerja mitigasi di Beting Lintang, JPS menyatakan bahawa maklumat berkenaan kos RM200 ribu bagi jarak 1.7 km adalah tidak munasabah, dan kawasan tersebut belum berada dalam pengetahuan rasmi JPS. JPS memaklumkan bahawa setiap projek tebatan perlulah melalui kajian terlebih dahulu kerana setiap bentuk mitigasi seperti pembinaan benteng atau struktur ' <i>breakwater</i> ' perlu dinilai keberkesannya bagi mengelakkan pembaziran sumber.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Hakisan semakin ketara selepas pembinaan Kuala Kampung Mangkuk sejak tiga tahun lalu yang menyebabkan pergerakan pasir lari ke arah pantai lain. Terdapat juga kebimbangan risiko ombak besar yang mampu mencecah 2.7 meter hingga ke jalan, menjejaskan kawasan tapak meletakkan bot.	
2.	Tahap penguatkuasaan terhadap pukut tunda masih lemah	Pencerobohan pukut tunda masih berleluasa kerana kesukaran mengenakan tindakan undang-undang kepada pemilik bot yang berpangkat tinggi.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Perubahan iklim dan kesan kepada hasil laut	Ketidaktentuan musim laut dan musim sotong kini menyebabkan hasil tangkapan berkurangan dan nelayan menanggung kerugian. Perubahan cuaca ini turut memberi kesan kepada data yang dihantar ke Jabatan Perikanan kerana musim tangkapan tidak lagi konsisten. Akibatnya, kos operasi meningkat sementara hasil semakin berkurang.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Tekanan kos operasi dan akses mobiliti bagi nelayan	Kos operasi harian nelayan sangat tinggi dengan minyak iaitu diesel menjadi komponen terbesar dengan peningkatan harga. Malahan, kos minyak sahaja sekitar RM200 sehari, tidak termasuk kos lain.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) KPDN memaklumkan bahawa subsidi diesel telah dimansuhkan, namun untuk nelayan dan pengusaha pengangkutan air, bantuan disalurkan melalui Permit Khas 2.0. Permohonan perlu dimasukkan ke dalam sistem khas, dan hanya pemohon yang layak dan mempunyai lesen bot atau lesen nelayan akan diluluskan.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti FELDA di Kampung Felda Tenang Tarikh: 24 Januari 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) 3. Penghulu
1.	Status pemilikan tanah generasi kedua masih tergantung	Pemilikan tanah untuk generasi kedua FELDA tertangguh lama selepas penukaran tapak asal yang diperuntukkan kepada generasi kedua menjadi ladang kambing tenusu, sekali gus menjejaskan proses pengagihan. Kini pihak berkuasa tempatan perlu menggazet semula tanah tersebut, dan pembatalan status GSA menjadi syarat utama sebelum pengagihan kepada generasi kedua boleh diteruskan..	Tiada <i>maklum balas</i>
		Terdapat cadangan menggunakan tanah rizab polis (10 ekar lebih) yang tidak digunakan ditukar kepada tanah generasi kedua.	Polis Diraja Malaysia (PDRM) PDRM menjelaskan bahawa tanah tersebut tidak boleh diberikan kepada pihak luar kerana ia dirancang untuk projek jangka panjang seperti pembinaan balai polis penuh, yang memerlukan sekurang-kurangnya 5 hingga 8 ekar. Tambahan, terdapat cadangan pembinaan pondok polis baharu di Felda Tenang, menggantikan pondok sedia ada yang sering dinaiki air setiap kali banjir. Pondok lama kini terletak di atas tanah milik FELDA, manakala PDRM memiliki tanah seluas 15 ekar

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			bersebelahan lokasi tersebut. Tanah ini telah diwartakan di bawah PDRM dan dirancang untuk pembangunan keselamatan jangka panjang. Namun, masih tiada peruntukan disalurkan untuk pembinaan baru walaupun mesyuarat telah diadakan sejak Ogos tahun lalu. Kos anggaran pembinaan adalah sekitar RM1 juta sahaja, melibatkan dua berek dan satu pondok pengoperasian asas.
2.	Perwarisan dan elaun sara hidup tertangguh	Proses pertukaran nama milik selepas kematian peneroka asal berjalan lambat. Kelewatan ini memberi kesan langsung kepada pendapatan waris, terutamanya melalui elaun sara hidup sekitar RM800 yang terhenti serta-merta sejurus peneroka asal meninggal dunia. Terdapat kes di mana elaun telah terhenti hampir setahun dan hasil sebenar ladang juga tertunggak sehingga RM40,000, menyebabkan tekanan kewangan kepada keluarga.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Kemudahan asas dan infrastruktur di Felda tidak memadai	Terdapat keperluan penyelenggaraan jalan dan lampu jalan pada segmen Batu 3 hingga pintu gerbang. Walaupun penduduk telah memaklumkan kepada TNB pada awal tahun lalu, namun tiada tindakan susulan diambil.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kesukaran untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik bagi pembinaan rumah baru kerana perubahan peraturan. Dahulu, permohonan lebih mudah diluluskan tetapi kini terdapat syarat tambahan, termasuk bayaran dan cukai.	
4.	Penghijrahan belia	Generasi muda ramai berhijrah keluar disebabkan kekurangan peluang pekerjaan tempatan dan perumahan. Ini menyebabkan komuniti FELDA didominasi oleh golongan warga emas. Kesannya, enrolmen sekolah setempat menurun.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Bencana banjir	Banjir menjadi masalah tahunan yang berulang di kawasan FELDA, dengan kekerapan antara 4 hingga 5 kali setahun di kawasan tertentu seperti Peringkat 2 dan 5, FELDA. Keadaan ini berpunca daripada sistem saliran yang tidak berfungsi dengan baik.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Keadaan banjir turut menjadi lebih buruk selepas pembinaan empangan yang menukar aliran semula jadi air.	

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Petani Kampung Belaoh dan Kampung Keruak Tarikh: 24 Januari 2025 Bilangan peserta: 7 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pertanian 2. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 4. PERHILITAN 5. VETERINAR 6. Jabatan Veterinar 7. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 8. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
1.	Kitaran penyakit tanaman dan risiko kegagalan musim	Petani berhadapan pola penyakit yang konsisten merentas tanaman. Pengulangan tanaman sehingga tiga musim mendorong peningkatan penyakit tanaman terutamanya layu bakteria. Tambahan, serangan terik, hama dan penyakit kulat yang menjejaskan pelbagai komoditi seperti tembikai, lada dan bendi. Ketiadaan rawatan berkesan menyebabkan tanaman mati dalam satu musim dan risiko kerugian.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Faktor cuaca menjadi punca utama serangan penyakit tanaman tersebut. Hujan berlebihan mencetuskan layu bakteria dan penyakit kulat, manakala cuaca terik meningkatkan serangan hama.	
2.	Peningkatan kos input dan kebolehlaksanaan pertanian setempat	Kos menyewa jentera (roto/tractor) kini dicaj RM150 sejam berbanding RM80 sejam pada 2015, didorong kenaikan harga diesel. Sebagai contohnya, ladang tembikai seluas 30 hektar yang memerlukan 40–50 jam kerja, kos traktor sahaja mencecah RM6,000–RM7,500 (berbanding RM3,200–RM4,000 pada kadar lama), sekali gus menekan modal pusingan.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Kelewatan dan maklumbalas tidak konsisten dari Pejabat Pertanian/PELADANG (alasan seperti ketiadaan jentera atau pemandu) memaksa petani menyewa daripada pihak luar.	Jabatan Pertanian Jabatan Pertanian dahulu menyediakan perkhidmatan jentera (membaja, meratakan tanah), namun kini tidak lagi kerana jawatan Pemandu Traktor telah dijumlahkan dan tiada pengganti. Petani kini perlu mendapatkan perkhidmatan daripada PPK, yang kosnya lebih tinggi.
		Harga baja melonjak daripada RM80–100 sebungkus pada 2018 kepada sekitar RM175 (baja Jepun) dan RM205–210 (SingaKuda/Yara), sekali gus meningkatkan kos pengeluaran dan menekan modal pusingan.	Jabatan Pertanian Memaklumkan bahawa petani di kawasan seperti Kampung Belaoh bergantung kepada baja import (contohnya jenama Yaramilah dan "kuda merah") kerana ia terbukti lebih berkualiti dan berkesan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Petani sayur terpaksa beralih kepada baja jenama murah sebagai alternatif, namun tindakan ini menjejaskan hasil tanaman dan menyumbang kepada penurunan kesuburan tanah.	Namun begitu, kos bagi baja dan racun ini adalah sangat tinggi, dan telah menjadi beban kepada petani akibat peningkatan harga pasaran dan kos operasi yang semakin meningkat. Syarikat-syarikat yang membekalkan input juga mengenakan harga yang tinggi. Penggunaan baja murah keluaran tempatan tidak berkesan disebabkan oleh kualiti dan komposisi yang tidak menepati piawaian. Keadaan ini berlaku kerana tiada penguatkuasaan atau pemantauan menyeluruh terhadap baja-baja tempatan. Pejabat Pertanian telah mencadangkan satu Akta Baja yang kini sedang diangkat ke Parlimen. Akta ini bertujuan untuk: • Menguatkuasakan pemantauan terhadap baja yang dipasarkan. • Mengawal piawaian kualiti baja. • Melindungi petani daripada menggunakan produk yang tidak berkesan. Turut mencadangkan agar Kementerian Pertanian mewujudkan satu atau beberapa syarikat perintis yang boleh mengeluarkan baja tempatan berkualiti tinggi sebagai alternatif kepada produk import.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Ini bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada baja luar negara, sambil memastikan keberkesanan pada tanaman tempatan.
		Tahap keberkesanan dan peningkatan harga racun menambah kos operasi pertanian.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Ketidakstabilan harga dan kuasa orang tengah	Petani berdepan ketidaktentuan harga pasaran. Sebagai contoh, apabila harga tembikai atau timun jatuh di bawah RM1, hasil jualan merosot dan petani menanggung kerugian. Apabila pengeluaran tembikai dan sayuran meningkat serentak, lambakan hasil menekan harga turun hampir setiap hari hingga sekitar RM0.80/kg. Orang tengah menghentikan pengambilan ketika harga jatuh, menyebabkan jualan terhenti. Setiap kali harga turun di bawah RM1/kg, petani menanggung kerugian. Ketiadaan harga lantai membolehkan orang tengah menekan harga hingga ±RM0.80/kg. Tambahan, FAMA tidak konsisten mengawal harga dan kerajaan kurang intervensi.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 3, isu nombor 2, Ketidakseimbangan harga hasil pertanian dan penternakan</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Petani mencadangkan agar FAMA menetapkan harga lantai sekurang-kurangnya RM1.50/kg (contoh: timun Cina/tembikai) supaya kos tertampung dan jualan stabil. FAMA menghadkan pembelian kepada hasil gred A dan menolak gred B ke bawah, lalu memaksa petani bergantung kepada peraih. Peraih pula kerap menipu atau melengah bayaran. Sebagai contohnya, dalam satu musim, tunggakan sehingga mencecah RM22,000.	
4.	Kemudahan pemasaran tidak seimbang	Pusat pengumpulan hanya wujud untuk durian, manakala tiada pusat khusus bagi sayur atau tembikai.	Jabatan Pertanian Memaklumkan bahawa satu pusat pengumpulan hasil telah dibina di Kampung Belaoh sebagai sebahagian daripada peruntukan di bawah program Kampung Angkat Sejati Madani. Pada asalnya, perancangan pusat ini adalah untuk hasil durian sahaja, namun belum ada perbincangan lanjut bersama komuniti setempat tentang pelaksanaan dan penggunaan sebenar pusat ini secara menyeluruh. Sebelum ini, petani hanya menggunakan kawasan tepi jalan untuk mengumpul hasil durian, yang sempit dan tidak sesuai.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Dengan pembinaan pusat baru ini, ia akan memberikan ruang yang lebih sesuai dan terancang untuk urusan pengumpulan hasil tani. Namun begitu, terdapat isu struktur penyelarasan kerana projek ini secara teknikal dikendalikan oleh JKR dengan peruntukan daripada MOF, manakala penggunaannya adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Pertanian.
		Kesannya, petani memasarkan hasil ke Jertih, Pasar Borong Lampu (Kuala Besut), Kota Bharu dan Kuala Terengganu, memilih lokasi mengikut harga tertinggi dan kemampuan pengambilan pemborong.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) FAMA mencadangkan agar dicari satu pendekatan baharu untuk mengurangkan kos penghantaran hasil tani ke Kuala Lumpur, contohnya melalui penggunaan lori dengan kos yang lebih rendah supaya usahawan boleh menjual secara terus kepada pasaran. Berdasarkan tinjauan beliau, harga tembikai di Kuala Lumpur masih kekal sekitar RM3 hingga RM4 sekilogram. Namun, kos penghantaran menggunakan lori bagi kuantiti lapan tan adalah sekitar RM1,400 hingga RM1,500, dan sebelum ini anggaran kos hanyalah RM1,300. Kenaikan ini dipercayai berpunca daripada harga diesel yang meningkat.
		Kos logistik turut meningkat akibat kenaikan diesel serta risiko saman JPJ. Penghantaran sekitar satu tan menggunakan Hilux memerlukan permit barangan, dan JPJ mewajibkan permit berkitar setiap enam bulan, sekali gus membebankan petani yang tidak mengangkut secara tetap.	
		Pembelian diesel terhad dan membebankan petani apabila pihak berkuasa mensyaratkan permit KPDNKK untuk mendapatkan kuota, sekali gus meningkatkan kos logistik. Setakat	Jawapan bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ini, petani terpaksa membeli pada harga pasaran tanpa subsidi.	Isu Permit dan Subsidi - Sistem permit khas 2.0 boleh diakses melalui pautan yang berikut:- https://permitkhas.kpdn.gov.my/login - Terdapat 7 kategori yang layak memohon (sila rujuk lampiran untuk penerangan lain). Walaubagaimanapun, bagi pembelian diesel untuk petani, penternak, pesawah yang mengusahakan kebun, sawah dan penternakan secara kecil-kecilan serta mendapat surat pengesahan dari agensi yang berkaitan adalah tidak melebihi 200 liter /sehari pembelian)
5.	Sekuriti tanah terhad	Projek pertanian di kawasan sekitar Kg Belaoh kebanyakannya dijalankan di atas tanah FELCRA melalui kontrak bersama pengurusan FELCRA Keruak. Permohonan tanah melalui Pejabat Tanah sering ditolak dengan alasan kawasan tersebut merupakan hutan simpan, walaupun aktiviti pembalakan berlesen masih berlaku di situ.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan dan bantuan pertanian	Bantuan input/peralatan Pertanian bersifat "sekali mohon" dan sejak setahun kebelakangan ini banyak permohonan tidak diluluskan Agihan bantuan tidak menyeluruh (hanya lebih kurang 3 daripada 15 orang menerima) (Nota: bantuan pertanian untuk tanaman kontan)	Jabatan Pertanian Mengakui bahawa jumlah peruntukan subsidi tersebut adalah sangat terhad dan perlu diagihkan secara bergilir dalam kalangan petani yang berdaftar. Contohnya, bagi tahun semasa, hanya seorang petani sahaja di kawasan Hulu Besut, termasuk Kampung Belaoh, yang diluluskan untuk menerima subsidi. Jumlah bantuan yang diterima oleh individu tersebut hanyalah sekitar RM15,000 hingga RM16,000 dalam bentuk barangan. Menurut rekod Pejabat Pertanian, terdapat kira-kira 1,500 orang petani berdaftar di daerah Besut, menjadikan proses pengagihan perlu dilakukan secara bergilir atau "<i>rotate</i>" dari tahun ke tahun. Pegawai Pejabat Pertanian menjelaskan bahawa dalam sesetengah tahun, hanya satu kumpulan petani diberikan bantuan, manakala kumpulan lain perlu menunggu giliran iaitu mungkin selepas dua atau tiga tahun. Pendekatan ini diambil bagi memastikan semua petani yang layak akhirnya akan menerima bantuan, walaupun dalam tempoh yang berbeza. Perkara ini secara tidak langsung menjawab aduan segelintir petani yang menyatakan mereka tidak pernah menerima sebarang subsidi walaupun pernah memohon.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Degradasi alam sekitar dan bencana banjir	Aktiviti pembalakan di bukit berhampiran Kampung Subhanallah yang diluluskan oleh kerajaan negeri serta aktiviti korek pasir di Kampung La telah menyebabkan hakisan tanah, menjadikan air sungai keruh dan kotor terutama ketika hujan. Hakisan tebing sungai turut menurunkan kualiti air dan mengurangkan keluasan kawasan tanaman. Banjir memusnahkan sehingga keseluruhan tanaman yang menyebabkan petani kehilangan modal pusingan dan menggugat kitaran penanaman.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Satu isu kritikal yang dibangkitkan adalah berkaitan kegiatan perlombongan pasir haram di kawasan Hulu Besut, terutamanya sekitar Batu 13 dan Sungai Pelagat. JPS mendedahkan bahawa walaupun pihak mereka tidak menyokong permohonan melombong pasir di kawasan tertentu, kelulusan masih diberikan di peringkat negeri. Banyak aktiviti perlombongan pasir dijalankan secara haram dan dilaporkan menggunakan jentera berat tanpa kawalan. Beberapa serbuan telah dijalankan bersama Pejabat Laut Negeri, PDRM dan agensi lain, namun suspek sering kali telah meninggalkan lokasi lebih awal, dipercayai menerima maklumat dalaman terlebih dahulu. Malah, pegawai agensi turut dilaporkan diekori oleh individu yang tidak dikenali selepas operasi, menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan mereka. Kesan daripada aktiviti perlombongan ini amat serius. Sungai menjadi cetek, pam air tersumbat dengan pasir selepas musim banjir, dan infrastruktur menjadi tidak berfungsi. JPS menyatakan bahawa pasir yang banyak menyekat operasi pam air di Pelagat, sehingga kerja pembersihan perlu dilakukan setiap kali selepas banjir.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Tindakan terhadap kes-kes ini memerlukan kerjasama pasukan penguat kuasa khas kerana ia melibatkan sindiket besar dengan nilai projek mencecah jutaan ringgit. Menurut KPDN, kes seumpama ini sepatutnya dikendalikan oleh pasukan khas seperti Bukit Aman, bukannya agensi daerah atau individu setempat, kerana melibatkan risiko keselamatan yang tinggi.
8.	Isu kewarganegaraan	Terdapat beberapa keluarga ketiadaan dokumen kerana perkahwinan tidak didaftarkan di Malaysia. Pihak berkuasa tidak mengiktiraf surat nikah luar negara, lalu JPN menolak pendaftaran anak untuk sijil kelahiran dan kad pengenalan. Untuk mengesahkan perkahwinan, pasangan perlu melalui Pejabat Agama, naik mahkamah dan membayar denda, tetapi kekangan kewangan menghentikan proses itu. Akibatnya, anak-anak tidak boleh bersekolah dan kekal tanpa dokumen pengenalan. Situasi ini melibatkan kira-kira 4 hingga 5 kes dalam komuniti.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 4, isu nombor 7, Isu kewarganegaraan</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
9.	Penyalahgunaan dadah dan kesannya terhadap sosial-komuniti	Penyalahgunaan dadah berleluasa yang didominasi “pil kuda”, manakala ketum dan “<i>mushroom</i>” turut merebak. Penglibatan aktiviti ini bermula seawal Darjah 6 hingga dewasa 18-50. Penagihan dadah ini turut menjejaskan keselamatan kebun seperti kecurian hasil	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Menjelaskan bahawa mereka melaksanakan operasi berkala di Hulu Besut, namun operasi tersebut tertumpu kepada pengambilan penagih bagi tujuan rawatan dan pemulihan, bukan untuk pendakwaan memiliki dadah di bawah Seksyen 12(2). AADK hanya berperanan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, khususnya Seksyen 3. AADK memaklumkan bahawa pada tahun 2025, mereka telah melakukan tangkapan ke atas 4 individu melibatkan kampung Belaoh, Keruak, Bekok dan Bukit Payung. Kesemua mereka telah direman dan akan dikenakan perintah rasmi tidak lama lagi. Jenis dadah yang dominan di kawasan ini ialah pil kuda, dan pergerakan pengedaran dadah ini berlaku secara aktif melalui saluran komunikasi tertutup seperti kumpulan WhatsApp. Setakat tahun 2025, AADK Hulu Besut telah menerima 13 aduan, dan semua tindakan pengambilan adalah bersifat rawatan, bukan menghukum.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Polis Diraja Malaysia (PDRM) Menegaskan bahawa peranan mereka adalah untuk menghukum, tidak seperti AADK dan KKM yang memberi rawatan. PDRM menjalankan siasatan dan pendakwaan terhadap pemilikan dan penagihan di bawah akta berkaitan. Menurut PDRM, tangkapan berkaitan dadah berlaku setiap hari di Besut, dan jumlah kes adalah sangat tinggi. Dalam satu lokap, daripada 50 orang yang ditahan, sekitar 40 orang adalah berkaitan dadah. Kebanyakan penagih terdiri daripada lelaki berbangsa Melayu, dan terdapat juga wanita yang terlibat, termasuk dalam tangkapan di kawasan Flat Ar-Rahman. PDRM turut menerangkan mengenai Seksyen 39C Akta Dadah Berbahaya (ADB), yang digunakan terhadap penagih berulang kali. Mereka yang disabitkan di bawah seksyen ini akan menerima hukuman mandatori penjara lima tahun dan sekurang-kurangnya lima sebatan. Namun begitu, walaupun selepas menjalani hukuman 3 hingga 5 tahun, majoriti penagih masih kembali menagih selepas dibebaskan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Pertembungan antara masyarakat dan kehidupan dengan habitat alam	Haiwan perosak seperti kera, babi hutan dan lembu liar merosakkan tanaman secara serius. Seekor lembu yang memijak kawasan tanaman boleh memusnahkan satu barisan timun cina yang mampu menghasilkan hingga 10kg sepokok. Gangguan kera dan monyet yang berjumlah berpuluh hingga ratusan ekor turut menjadi ancaman besar kepada hasil pertanian. Pemasangan pagar elektrik hanya berkesan untuk mengekang gangguan babi/lembu, tetapi tidak untuk kera. Pada akhirnya, petani terpaksa menanggung kos baru dengan mengupah penembak pada kadar sekitar RM25 seekor sepanjang musim buah.	Jabatan PERHILITAN Pihak PERHILITAN menjelaskan bahawa monyet menjadi semakin agresif apabila diberi makan oleh orang ramai. Ini menyebabkan mereka cepat membiak dan berani menyerang manusia. Pejabat PERHILITAN menyeru agar orang awam tidak memberi makanan kepada haiwan ini dan segera melaporkan sebarang insiden serangan. Monyet biasanya ditangkap menggunakan perangkap atau ditembak sekiranya bersifat agresif (bertaring panjang dan bersaiz besar). Bagi monyet yang berjaya ditangkap dan tidak berbahaya, ia akan dihantar ke Taman Negara. Namun begitu, tindakan ini kadangkala mendapat bantahan daripada pencinta haiwan sehingga membawa kepada isu undang-undang dan perbicaraan mahkamah. Pegawai PERHILITAN menjelaskan bahawa tindakan mereka sentiasa berpandukan undang-undang, termasuk Akta Pemuliharaan Hidupan Liar. PERHILITAN mengakui kekurangan peralatan seperti perangkap, kerana pejabat Besut yang turut meliputi daerah Setiu hanya mempunyai 15 unit perangkap untuk kawasan yang sangat luas, termasuk hingga ke Alur Lit, Belara dan Lembah Bidong.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Kakitangan pula hanya terdiri daripada lapan orang, termasuk seorang pegawai. Oleh itu, MPKK dan komuniti setempat disarankan untuk menyediakan perangkap sendiri jika perlu. Pejabat Pertanian juga dimaklumkan memiliki peruntukan dan peralatan tertentu yang boleh digunakan bersama. PERHILITAN sangat menggalakkan penduduk kampung untuk bekerjasama dengan pihak jabatan. Namun terdapat kes di mana penduduk bertindak sendiri, termasuk menjual haiwan yang ditangkap. Ini boleh membawa kepada tindakan undang-undang di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar kerana menangkap atau menjual hidupan liar tanpa lesen adalah kesalahan.
		Terdapat kebimbangan baru iaitu kehadiran harimau di tapak penanaman (FELCRA Keruak).	Jabatan PERHILITAN Pada awal tahun ini (24 Januari), seekor harimau dahan telah berjaya ditangkap di kawasan berhampiran Sungai Kemia, Kampung Belaoh. Harimau tersebut bukan harimau belang, tetapi spesies harimau dahan yang lebih kecil dan biasanya hanya menyerang haiwan seperti ayam, itik, dan monyet. Haiwan ini dipercayai tersesat dari habitat asalnya iaitu Hutan Simpan berhampiran kampung.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pihak PERHILITAN telah memindahkan harimau ini ke kawasan perlindungan seperti di Tasik Kenyir. Selain itu, populasi gajah liar turut dikesan di kawasan Felcra Keruak, di mana lebih 10 ekor sedang menceroboh ladang sawit. Sebahagian daripada kumpulan ini telah ditangkap di Pak Sit. Gajah-gajah ini dipercayai keluar akibat aktiviti pembalakan yang sedang berjalan di lima lokasi sekitar hutan simpan. Pihak PERHILITAN menjelaskan bahawa mereka tidak dapat mengambil tindakan jika gajah berada di dalam kawasan hutan simpan kerana itu adalah habitat semula jadi mereka. Hanya apabila gajah memasuki kampung dan mengganggu keselamatan manusia, barulah tindakan pemindahan boleh dilakukan. Jabatan PERHILITAN Menurut makluman, harimau belang masih wujud di kawasan Hutan Simpan Tasik Pelagat hingga ke Lata Tembakah dan kawasan Tenang. Namun, tiada insiden terkini yang melibatkan pencerobohan ke kawasan kampung.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
11.	Kekurangan infrastruktur sisa pepejal dan risiko kesihatan awam	Infrastruktur sisa pepejal di Kg Belaoh dan kawasan hadapan Keruak tidak setara dengan jumlah penduduk. Kekurangan tong dan ketiadaan tapak pengumpulan rasmi merupakan faktor utama.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 1, isu nombor 7, Pengurusan sisa pepejal masih belum memadai</i>
		Jadual kekerapan pengutipan sampah tidak sepadan dengan jumlah sisa. Kekangan tong membuat sampah bertaburan di laluan umum dengan kehadiran sekitar 10 anjing liar menambah kebimbangan	<i>Tiada maklum balas</i>

Jadual 14. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Mangsa Banjir Tarikh: 24 Januari 2025 Bilangan peserta: 20 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 3. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)
1.	Bencana banjir berulang	Banjir tahunan di Kg Belaoh berpunca daripada sistem perparitan yang tidak memadai dan struktur sungai yang terlalu kecil sehingga limpahan air sungai berlaku selepas tiga jam hujan. Anggaran alur sungai iaitu 5km melalui tanah persendirian tanpa rizab menghalang kerja pelebaran serta pembersihan menyeluruh. Pembersihan separa yang dilakukan lebih 10 tahun lalu gagal menyelesaikan masalah kerana laluan yang sempit dan berliku.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kawasan di Kg Belaoh berada dalam lembah dan rendah berbanding kawasan sekeliling yang berbukit, menyebabkan ia mudah terdedah kepada limpahan air sungai ketika hujan lebat. Isu utama adalah kesukaran untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan tebatan banjir kerana kawasan yang terlibat adalah milik persendirian, sempit, dan bersebelahan dengan kediaman penduduk. Hal ini menyukarkan kemasukan jentera berat dan meningkatkan risiko hakisan sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kajian dan kebenaran. Projek tebatan pula tidak dapat dilaksanakan secara pajakan kerana lokasi sungai terlalu hampir dengan kawasan kediaman. Sungai terdekat ialah Sungai Kemia, yang diklasifikasikan sebagai kawasan limpahan semula jadi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Paras air banjir boleh mencecah paras dada serta masuk ke rumah, menyebabkan jalan utama terputus hubungan sehingga penduduk terpaksa berpusing jauh melalui lebuh raya. Walaupun air biasanya surut dalam 2-3 jam, ia tetap memberi kesan besar terhadap mobiliti dan keselamatan. Punca utama turut dikaitkan dengan kawasan pembalakan di Bukit Kabung yang menyebabkan hakisan teruk, pemendapan lumpur, serta sungai menjadi cetek dan berlumpur. Aktiviti pengambilan tanah di kawasan hulu turut mempercepatkan hakisan dan meningkatkan risiko banjir. Terdapat cadangan pelebaran dan pendalaman sungai disertai pampasan kepada pemilik tanah seumpama projek ECRL bagi menyelesaikan isu secara menyeluruh.	<i>Tiada maklum balas</i>
		Keperluan pembinaan jambatan penghubung bagi mengurangkan jarak perjalanan semasa banjir. Walaupun agensi berkaitan pernah turun ke lokasi, tiada tindakan susulan konkrit dilaksanakan sehingga kini.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) JPS mengesahkan bahawa membina infrastruktur seperti jambatan atau meninggikan jalan juga berpotensi memburukkan limpahan air ke kawasan sekeliling.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Tahap pengurusan bencana yang kurang memadai	Keupayaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) masih belum memenuhi keperluan asas. Sebagai contohnya, kekurangan khemah menyebabkan penempatan tidak bermaruah, manakala struktur terbuka, ketiadaan penutup, dan kebocoran bumbung meningkatkan pendedahan kepada hujan bagi 43 keluarga terjejas.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pengurusan bencana, khususnya berkaitan penubuhan dan penyelarasan pusat pemindahan, adalah di bawah tanggungjawab agensi tersebut mengikut Arahan No. 1 Majlis Keselamatan Negara (NADMA). Salah satu isu utama yang dibangkitkan adalah ketiadaan pusat pemindahan kekal (PPK) di Hulu Besut. Sehingga kini, kebanyakan pemindahan hanya menggunakan bangunan sekolah, masjid, atau surau sebagai pusat pemindahan sementara. JKM memaklumkan bahawa cadangan penubuhan pusat pemindahan kekal perlu diteliti dari segi keperluan sebenar dan kekangan geografi. Hulu Besut adalah kawasan yang sering terjejas banjir, dan sekiranya pusat pemindahan kekal ingin dibina secara menyeluruh, ia akan memerlukan pembinaan berpuluh-puluh buah pusat bagi meliputi semua kawasan yang berisiko. Walaupun penyediaan sebanyak 100 pusat pemindahan mungkin dapat menampung mangsa, cabaran sebenar terletak pada aspek penyelenggaraan jangka panjang, terutama apabila pusat tersebut tidak digunakan di luar musim bencana.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			JKM turut menjelaskan bahawa terdapat cubaan mewujudkan pusat pemindahan kekal di bawah program Kampung Angkat Madani, namun jumlah bilik terlalu terhad. Keadaan ini boleh menimbulkan ketegangan, kerana keluarga akan berebut bilik yang lebih selesa, dan keadaan menjadi bergantung kepada kebijaksanaan pemimpin komuniti untuk menentukan keutamaan. Berkenaan khemah, ia hanya disediakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan seperti untuk ibu menyusu, warga emas dan wanita. Namun, dengan perubahan masa dan peningkatan keperluan, orang ramai mula menganggap bahawa setiap keluarga mesti diberi satu khemah, malah ada yang meminta dua khemah jika ahli keluarga ramai. Walaupun kerajaan mampu membekalkan khemah, kekangan sebenar ialah ruang di pusat pemindahan. Maka, khemah hanya diberikan kepada kes-kes yang benar-benar memerlukan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat keperluan mempercepatkan bantuan ketika banjir.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Menyentuh isu bantuan banjir, JKM turut menjelaskan bahawa pengurusan bencana perlu mendahulukan nyawa. Dalam situasi kecemasan, bantuan makanan akan disalurkan selepas operasi menyelamatkan selesai. Namun begitu, penduduk sering mengharapkan kedua-dua bantuan disalurkan secara serentak, yang sukar dilaksanakan dengan kekangan sumber.
3.	Penyalahgunaan dadah dan kerentanan keselamatan komuniti	Kes kecurian kerap berkait dengan penagihan dadah. Dominasi pil kuda sebagai dadah utama di kawasan ini.	<i>Sila rujuk maklum balas agensi di FGD 8, isu nombor 8-Gejala sosial (dadah dan vape) dalam kalangan komuniti setempat</i>
4.	Ketidakstabilan pendapatan dan kos sara hidup komuniti setempat	Gangguan akses jalan akibat banjir menafikan peluang bekerja, sekali gus menjejaskan pendapatan harian. Kebergantungan pada menoreh menjadikan isi rumah terdedah kepada cuaca seperti hujan menghalang kerja dengan volatiliti harga (RM3–RM4/kg; lantai RM2).	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Inflasi barangan asas terutamanya minyak, beras dan sabun. Bekalan minyak masak paket kerap terputus dan kedai menghadkan belian.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) KPDN menjelaskan bahawa bekalan minyak masak berlaku kerana pengeluaran dari kilang pembungkus (repacker) di Terengganu masih banyak disalurkan ke Kelantan, walaupun sepatutnya diagihkan untuk pasaran Terengganu termasuk Besut. Di Besut terdapat dua repacker utama iaitu Yakubtahir dan Yoraisyal, dengan jumlah kuota keseluruhan sebanyak 420 metrik tan (bersamaan 420,000 kilogram) untuk populasi 165,000 orang. Secara teorinya, jika diagih sepenuhnya, setiap orang boleh mendapat satu kilogram. Namun, berdasarkan kajian, terdapat kebocoran pengagihan ke Kelantan. Daripada keseluruhan 1,807 metrik tan kuota negeri Terengganu, sebanyak 77 metrik tan telah disalurkan ke Kelantan. Bukan hanya dari Besut, tetapi juga dari daerah lain. Cadangan KPDN adalah untuk melaksanakan pengagihan semula agar kuota Terengganu digunakan sepenuhnya dalam negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini menghadapi cabaran seperti ketiadaan kemudahan logistik, kaedah pembayaran tunai tanpa hutang dan repacker yang sudah mempunyai pelanggan tetap di Kelantan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Oleh itu, cadangan awal ialah hanya 1% kuota sahaja yang boleh dihantar ke luar negeri. Bagi menangani penyelewengan dan kawalan, OPS Pantau dilaksanakan. Sekiranya terdapat aduan seperti memotong paket minyak dan menjual dalam botol, pengguna boleh menyalurkan aduan melalui: • e-aduan@kpdn.gov.my • WhatsApp ke 019-2794317 • Aplikasi EZADU yang boleh dimuat turun dari Google Play Store atau Apple App Store. KPDN juga memaklumkan bahawa penguatkuasaan dilakukan, namun setakat ini belum ada kes penyelewengan minyak masak yang besar di Besut. Hanya kes kecil melibatkan lesen premis seperti di kawasan Mangkuk. Isu harga yang melampau akan dikompaun terus di bawah peraturan sedia.
		Terdapat keperluan program latihan atau penjaan untuk suri rumah.	<i>Tiada maklum balas</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 *Pengutamaan Isu 1: Cabaran Ekonomi dan Kos Sara Hidup*

Secara amnya, Parlimen Besut tertumpu pada rantai kecil pertanian, perikanan dan perniagaan mikro yang sangat sensitif kepada kejutan harga dan gangguan bekalan. Selepas fasa pandemik dan dalam cuaca yang sukar diramal, cabaraan ekonomi ini terutamanya dari segi peningkatan kos bahan asas semakin dirasakan melebihi kemampuan pendapatan penduduk. Tekanan ini dirasakan dari isi rumah itu sendiri sehingga ke tapak niaga, lalu menjejaskan kuasa beli, simpanan dan keputusan ekonomi setempat.

- **Peningkatan harga bahan asas**

Kenaikan harga barang makanan dan input harian menular melalui dua laluan utama iaitu kos pengeluaran yang meningkat serta pengantaraan pasaran yang tidak efisien. Hal ini memperlihatkan kos input seperti beras, minyak masak, baja, racun dan makanan ikan menjadi semakin mahal yang semakin dirasakan oleh pengguna. Dari sudut perniagaan di pasar malam seperti Kg La, Pasir Akar dan Keruak peniaga menanggung bekalan minyak paket yang tidak menentu, ketidakstabilan bahan asas perniagaan lalu terpaksa menanggung ketidakpastian kuasa beli. Dalam komuniti petani di Pok Kiang harga baja dan upah kerja ladang meningkat dan keluarga B40 menanggung pembelian semasa musim hujan apabila pendapatan menoreh merosot. Golongan yang terkesan termasuk peniaga mikro, petani kecil, isi rumah berpendapatan rendah serta pelanggan setempat yang bergantung kepada pilihan harga mampu milik.

- **Peluang kerja tempatan terhad**

Struktur pekerjaan tempatan mempamerkan penawaran kerja yang bermusim serta dominan pada gaji rendah di Parlimen Besut. Kekurangan pekerjaan formal dan rantai ekonomi bernilai tambah rendah mewujudkan jurang antara kemahiran yang ada dengan peluang yang tersedia. Kesannya, lepasan universiti pula menunggu lebih lama untuk berada dalam pekerjaan yang memadai. Malahan, para belia cenderung berhijrah ke bandar besar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

- **Peningkatan kos operasi**

Kenaikan kos input pengeluaran telah menekan margin perniagaan kecil sehingga ruang untuk mengambil risiko semakin sempit. Apabila kos tenaga, bahan mentah dan perkhidmatan sokongan naik serentak, keupayaan untuk melabur semula menjadi terhad. Penternak siakap di sekitar Kuala Besut dan Kg Air Tawar berdepan makanan ikan yang mahal, benih yang tinggi kosnya, kerja penggerudian air yang menelan belanja serta bil elektrik yang meningkat kerana

pam dan oksigen perlu berjalan sepanjang masa. Pilihan tenaga alternatif memerlukan modal permulaan yang besar dan ketahanan peralatan dalam air masin masih menjadi persoalan. Petani kecil pula berdepan dilema antara input import yang mahal atau alternatif yang boleh menjejaskan hasil. Pihak yang terkesan termasuk penternak ikan sangkar, petani kecil dan peniaga pasar malam yang beroperasi pada margin tipis.

Jadual 15. Ringkasan Pengutamaan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Peningkatan harga barang asas 2. Peluang kerja tempatan terhad 3. Peningkatan kos operasi
Cadangan Penyelesaian	1. Mewujudkan program pembelian barangan asas pada harga lebih rendah 2. Pemberian geran mikro (makanan, jahitan, servis), disertai bimbingan literasi kewangan dan bimbingan e-dagang 3. Mengadakan klinik temuduga suku tahunan dengan majikan
Kumpulan Sasaran	Ibu Tunggal, Mangsa Banjir, Petani, Komuniti Nelayan Laut, Komuniti Siam dan Peniaga Pasar Malam
Kawasan	Kg La, Kg Belaoh, Kg. Lay Out Tok Saboh, Kg. Air Tawar, Kg Beting Lintang, Kg Batu 13
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar untuk semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur sebagai individu dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari. Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional.

SDG 2: Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan keluaran pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, terutamanya wanita, peribumi, keluarga petani, ahli pastoral dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai dan pekerjaan bukan perladangan.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai ditambah tinggi dan sektor intensif buruh. Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Degradasi Alam Sekitar

Landskap Besut menggabungkan kawasan rendah berhampiran jaringan sungai di hulu dan jalur pesisir yang terdedah kepada ombak Laut China Selatan. Walaupun Parlimen Besut seringkali dikaitkan dengan bencana kebiasaan seperti risiko banjir, namun perubahan kekerapan banjir tahunan sudah mula dirasakan sejak beberapa tahun ini.

Pada pandangan komuniti, pembinaan ECRL, pengorekan pasir menjadi punca banjir semakin teruk. Tambahan, degradasi alam sekitar ini juga melihat sudut padangan pengurusan sampah apabila sampah yang tidak diurus dengan betul merosakkan fungsi asas ekosistem dan infrastruktur.

- **Banjir berulang**

Banjir menjadi manifestasi utama degradasi tadahan dan saliran. Isunya berpunca daripada sungai dan parit yang tidak berfungsi secara optimum, perubahan guna tanah serta penyelenggaraan yang tidak konsisten. Di Hulu Besut khususnya Felda Tenang, Kg La, Kg Belaoh dan Kg Keruak penduduk melaporkan kejadian air naik cepat dan surut lambat. Di tapak pasar malam seperti Kg Pasir Akar dan Bukit Payung air kerap bertakung selepas hujan lebat dan menjejaskan jualan serta keselamatan pengunjung. Banjir berulang ini bukan sahaja menjadi satu “acara” tahunan penduduk yang dianggap sebagai kebiasaan yang bukan sahaja merosakkan harta benda isi rumah, malah menjejaskan kehidupan seharian penduduk dan penduduk hilang sumber pendapatan. Sebagai contohnya, mangsa banjir di Kampung Belaoh terputus jalan perhubungan ketika banjir dan menyebabkan anak-anak tidak dapat ke sekolah, malahan ibu bapa tidak dapat keluar bekerja.

- **Hakisan pantai mengancam nelayan laut**

Saban tahun, hakisan pantai sudah mula berlaku di persisiran pantai di Terengganu. Fenomena ini juga turut dirasakan oleh para nelayan laut di Kampung Beting Lintang yang sedikit sebanyak telah mengganggu operasi perikanan kawasan setempat. Apabila garisan pantai semakin berkurangan, infrastruktur pendaratan bot menjadi tidak selamat dan kos membaiki peralatan meningkat. Di Kampung Beting Lintang dan sekitar Kuala Besut nelayan melaporkan keadaan keluasan pantai semakin ke darat dan ruang meletak bot semakin sempit. Ombak besar bersama air pasang menjejaskan laluan keluar masuk bot dan mencetus risiko kemalangan. Komuniti nelayan mencadangkan pembinaan benteng pelindung sebagai langkah segera.

- **Pengurusan sampah yang tidak cekap**

Kebersihan persekitaran bandar dan desa menjadi penentu pengalaman pengguna serta kesihatan komuniti. Apabila pengurusan sisa tidak cekap, lambakan dan bau menjejaskan ruang niaga dan kawasan rekreasi. Di Kg La, Pasir Akar dan Keruak penempatan tong tidak sesuai dan jumlah yang tidak mencukupi menyebabkan limpahan. Di Taman Tasik, kualiti kebersihan merosot apabila amalan pembuangan tidak berhemah tidak ditangani dengan tegas. Peniaga kecil, keluarga yang berkunjung dan kontraktor kutipan sisa merupakan pihak yang perlu diselaraskan tindakannya agar keadaan bertambah baik.

Jadual 16. Ringkasan Pengutamaan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Banjir berulang 2. Hakisan pantai mengancam nelayan laut 3. Pengurusan sampah yang tidak cekap
Cadangan	1. Menjalankan program pembersihan parit/longkang bersama komuniti 2. Pembinaan perangkap sampah sungai 3. Menyediakan Pelan Tindakan Banjir setempat 4. Pemantauan kualiti air bulanan dengan pelaporan terbuka untuk tindakan pantas. 5. Program penjanaan ekonomi kepada mangsa banjir
Kumpulan Terjejas	Ibu Tunggal, Mangsa Banjir, Petani, Komuniti Nelayan Laut dan Peniaga Pasar Malam
Kawasan	Kg Belaoh, Kg. Felda Tenang, Kg Beting Lintang, Kg Batu 13, Tapak Pasar Malam Pasir Akar
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 11: Menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan	Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas dengan signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding keluaran dalam negara kasar global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada perlindungan golongan miskin dan golongan yang berisiko Sasaran 11.6: Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar raya terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan perhatian khusus kepada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain
SDG 13: Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya	Sasaran 13.1: Memperkukuh ketahanan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
SDG 14 : Memulihara dan menggunakan sumber	Sasaran 14.1: Menjelang 2025, mencegah dan mengurangkan semua jenis pencemaran laut dengan

lautan dan marin secara mampan untuk pembangunan mampan	signifikan, khususnya daripada aktiviti darat, termasuk sampah-sarap laut dan pencemaran nutrien. Sasaran 14.2: Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkuat ketahanan ekosistem, dan bertindak untuk memulihkannya untuk memperoleh lautan yang sihat dan produktif.
---	---

4.2.3 Pengutamaan Isu 3 : Kesukaran dalam Mengakses Bantuan dan Kebajikan

Jaringan perlindungan sosial yang berkesan mestilah mudah dicapai, jelas prosesnya dan cepat bertindak semasa krisis. Di Besut masih wujud jurang maklumat, kerumitan tatacara dan kelambatan maklum balas yang mengekang keberkesanan bantuan, terutama kepada kelompok rentan.

- **Proses bantuan dianggap rumit**

Rumitnya proses bermula daripada keperluan dokumen yang banyak hingga tafsiran syarat kelayakan yang tidak seragam. Kos masa dan perjalanan pemohon rentan sering tidak diambil kira. Ibu tunggal melaporkan permohonan berlarutan tanpa maklum balas yang jelas. Dalam komuniti minoriti, tuntutan keahlian atau dokumen tertentu menghadkan akses subsidi. Pengusaha akuakultur sebagai contohnya pula berdepan isu kelulusan tanah yang tertangguh sehingga menghalang permohonan bantuan.

- **Penyampaian maklumat dan sistem sokongan tidak menyeluruh**

Kelemahan penyampaian maklumat menyebabkan peluang bantuan tidak sampai tepat pada masanya. Kekurangan perantara lapangan juga mengekalkan jurang literasi digital dalam kalangan komuniti. Perkara ini turut dirasai oleh Penternak Ikan Akuakultur apabila mereka berhadapan dengan penyampaian maklumat berkenaan bantuan ternakan pada saat akhir dan ketiadaan sesi taklimat geran yang jelas. Peniaga pasar malam tidak jelas saluran bantuan lalu menanggung semua kos operasi sendiri. Aduan kemudahan asas seperti lampu jalan dan longkang pula tidak menerima susulan yang memadai. Justeru, penyampaian maklumat yang berkesan adalah perlu bagi memastikan sistem sokongan sosial ini dapat dirasai oleh penduduk berkaitan.

- **Tahap pengurusan bantuan bencana belum memadai**

Bantuan bencana yang berkesan bergantung pada koordinasi, kejelasan peranan dan pemulihan yang memandang ke hadapan. Tanpa tiga unsur ini komuniti kembali ke tahap asal tanpa peningkatan daya tahan. Di Hulu Besut bantuan banjir dilaporkan lewat dan tidak menyeluruh terutamanya pasca banjir. Perkara ini turut dirasai oleh penduduk Kampung Belaoh yang sehelai sepinggang ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan berdepan dengan kerosakan harta benda semasa banjir. Tambahan, para petani seperti penanam sayur juga berhadapan dengan penilaian kerosakan, pengagihan barangan dan bantuan dalam urutan yang jelas. Justeru, pihak agensi yang terlibat perlu melihat semula dan menetapkan garis masa pemulihan dengan "*milestone*" jelas agar bantuan sampai tepat masa, pemulihan berjalan mengikut turutan, dan daya tahan komuniti meningkat dari musim ke musim.

Jadual 17. Ringkasan Pengutamaan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Proses bantuan dianggap rumit 2. Penyampaian maklumat dan sistem sokongan tidak menyeluruh 3. Tahap pengurusan bantuan bencana belum memadai
Cadangan	1. Mengadakan program lawatan bergerak oleh agensi kerajaan dan NGO untuk menyebarkan maklumat tentang program kebajikan serta bantuan yang tersedia. 2. Menyediakan program sokongan kebajikan mikro kepada penduduk 3. Menubuhkan klinik kaunseling dan khidmat nasihat berkaitan permohonan bantuan di pusat-pusat komuniti untuk membantu pemohon memahami syarat dan mengemukakan dokumen yang diperlukan.
Kumpulan Terjejas	Ibu Tunggal, Mangsa Banjir, Petani, Komuniti Nelayan Laut, Komuniti Siam, Peniaga Pasar Malam
Kawasan	Kg Belaoh, Kg. Lay Out Tok Saboh, Kg. Air Tawar, Kg Beting Lintang

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA

SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1: Membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2030, di mana sara hidup seharian adalah kurang dari \$1.25 (anggaran RM5.50) sehari. Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak pada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensi menurut takrifan kebangsaan.
SDG 2: Menghentikan masalah kelaparan, mencapai sasaran jaminan makanan dan pemakanan yang lebih baik serta menggalakkan pertanian lestari	Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya golongan wanita, orang asli, keluarga petani, penternak dan nelayan, termasuk melalui akses yang terjamin dan sama rata kepada tanah, sumber dan input produktif lain, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran dan peluang bagi penambahan nilai termasuk pekerjaan bukan perladangan.
SDG 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan lestari, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh. Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua golongan wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama. Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 18. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Program " <i>HorseVenture Belia</i> "	Program Penanaman Sayur-Sayuran Di Kampung Tanjung Demong (" <i>Environment For Youth</i> ")	Kursus Usahawan Kerepek Pisang
SDG Berkaitan	SDG8, SDG12,SDG15	SDG1, SDG4, SDG15	SDG1, SDG5, SDG8
Objektif	- Membangunkan sahsiah dan kemahiran belia melalui latihan berkuda 12 minggu memberi pendedahan kerjaya/keusahawanan ekuestrian. - Menggalakkan penglibatan sihat dan produktif komuniti luar bandar.	- Membuka peluang pekerjaan dan pendapatan kepada belia/penduduk luar bandar. - Membina kemahiran pertanian moden dan keusahawanan. - Menyokong sokongan komuniti/rantaian bekalan untuk kelangsungan selepas projek.	- Menangani kekurangan kemahiran wanita B40 di Besut dengan latihan pembuatan kerepek. - Memperkenalkan literasi perniagaan dan pemasaran agar peserta mampu memulakan perniagaan sendiri dan menambah pendapatan isi rumah.
Hasil Jangkaan	10 belia melengkapkan modul asas berkuda - Peningkatan pengetahuan dan kemahiran menunggang/pengurusan kuda	- Seramai 10 peserta mengikuti latihan dan amali secara terstruktur sepanjang tempoh pelaksanaan projek. - Pengeluaran hasil tanaman yang berjaya dituai mengikut jadual.	- Melahirkan kelompok usahawan wanita baharu dalam komuniti sasaran. - Penghasilan produk makanan tempatan yang bersih dan berkualiti mengikut piawaian.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	- Penganjuran majlis apresiasi dan penubuhan Kelab Belia Berkuda - Peningkatan kesedaran komuniti dan peluang mikro-keusahawanan berkaitan equestrian.	- Peserta menerima pendedahan kepada aplikasi IoT/fertigasi serta asas pemasaran bagi pengurusan hasil. - Setiap peserta didaftarkan dengan SSM dan membina jaringan dengan agensi berkaitan seperti MARA.	- Mewujudkan peluang pekerjaan dan memperkukuh keupayaan peserta menjana pendapatan sendiri yang mampan. - Pembukaan akaun bank dan pendaftaran SSM untuk peserta.
Organisasi	Kelab Pecinta Kuda Besut	JPKK Kampung Pantai Tanjung Demong	JPKK Kampung Belaoh
Aktiviti	12 minggu modul yang merangkumi taklimat keselamatan dan lawatan ladang (termasuklah <i>ground handling; grooming; tack & gear; mounting & balance; basic riding control; obstacle training; team riding</i> ; penjagaan kandang dan pemakanan).	- Latihan asas dan bengkel hands-on, kelas tanaman, taklimat peranan petani, pertanian pintar (IoT/fertigasi). - Projek keusahawanan agro, lawatan ke kebun contoh, kerja penyelenggaraan kebun, kutipan hasil dan pengiraan. - Taklimat agensi serta dana dan pendaftaran SSM.	- Sesi asas perniagaan - Sesi pendaftaran SSM - Sesi suntikan <i>typhoid</i> dan <i>food safety</i> - Sesi strategi pemasaran, literasi kewangan, pinjaman perniagaan dan bantuan perniagaan. - Sesi pengenalan bahan dan produk. - Sesi penerangan latihan dan amali.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Jumlah (RM)	RM 40,000.00	RM 40,000.00	RM 40,000.00
Lokasi	Kampung Beris Alor Pisang, DUN Kuala Besut	Kampung Tanjung Demong, DUN Kota Putera	Kampung Belaoh, DUN Hulu Besut
Tempoh	3 bulan	3 bulan	3 bulan

6.0 RUJUKAN

Brinkhoff, Thomas. n.d. "Malaysia: Terengganu State (Districts and Townships). Population Statistics, Charts and Map." City Population. Diambil daripada <https://www.citypopulation.de/en/malaysia/terengganu/admin/>

Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Subnasional: Parlimen dan DUN — P.033 Besut. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, Februari 2022. ISBN 978-967-0009-18-6.

PLANMalaysia. 2021. Draf Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian), Jilid 3: Laporan Pengurusan, Pelaksanaan dan Pangkalan Data GIS. Putrajaya: PLANMalaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (t.t.). Semakan Daftar Pemilih. Diambil daripada <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>